210

Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 85 Ro
No Perolehan: T 1006
Tarikh: 18 MAR 1986

# KESAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
# KE ATAS KEADAAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT

Satu kajian kes di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai, Pontian, Johor.

ROSLI BIN YACOB
No. Matrik 043913

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1985/86

University of Malaya

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah.

Dengan limpah kurnia Nya dan berbekalkan keazaman serta usaha yang gigih akhirnya terciptalah latihan ilmiah ini. Namun, semua ini tidak akan berjaya tanpa bantuan, nasihat, tunjuk ajar dan kerjasama yang baik dari semua pihak.

Terutamanya saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Syed Husin Ali selaku penyelia latihan ilmiah ini yang bersusah payah memberi nasihat dan bersabar atas kesilapan yang saya lakukan.

Tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih kepada:-

1. Pegawai Daerah Pontian, Johor, Encik Lokman Thani, Penghulu Mukim Sungai Karang, Encik Nawawi Awang, dan Ketua Kampung Belokok yang telah memberi bantuan kepada saya semasa memulakan kajian.
2. Tuan Hj. Burak Hj. Tua sekeluarga di Kampung Sungai Peradin, Pontian yang telah sudi menerima saya sebagai anak angkat.
3. Semua responden yang telah memberikan kerjasama.
4. Semua rakan seperjuangan yang bersama-sama menyumbangkan idea.

Akhir kata, terima kasih daun keladi.

University of Malaya

# SINOPSIS

Latihan ilmiah ini menumpukan perbincangan kepada soal-soal pembangunan dan kesannya terhadap keadaan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Dalam bab pertama pengkaji t telah membincangkan beberapa konsep pembangunan dan mengemukakan dua model pembangunan iaitu Model Equilibrium dan Model Konflik. Adalah penting untuk membincangkan kedua-dua model ini memandangkan rancangan-rancangan pembangunan di Malaysia sedikit sebanyak mempraktikkan andaian-andaian yang terdapat dalam kedua-dua model ini.

Dalam bab 2, perbincangan menyentuh tentang latar belakang penduduk dari segi sejarah dan keadaan sosio-ekonomi masyarakat di kawasan kajian. Aspek-aspek ekonomi yang dihuraikan termasuklah dari segi pekerjaan, pendapatan, pola pemilikan tanah, simpanan wang dan tabungan penduduk. Manakala susun-lapis masyarakat, tingkat pelajaran dan kesihatan merupakan aspek-aspek sosial yang dibincangkan.

Masalah kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk dari segi ekonomi dan sosial telah dibincangkan dalam bab 3. Tujuan perbincangan ini adalah untuk memperlihatkan bagaimana sesuatu rancangan pembangunan dilaksanakan dalam usaha untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul. Untuk itu pengkaji menumpukan

University of Malaya

terhadap Projek Johor Barat sebagai satu rancangan pembangunan dalam bab 4.

Bab 5 merupakan satu penilaian tentang kesan-kesan pembangunan yang telah dijalankan. Dalam bab ini pengkaji mendapati bahawa beberapa rancangan pembangunan yang dilaksanakan gagal mencapai matlamatnya. Ini diketahui dari agihan pendapatan penduduk yang tidak seimbang.

Dalam bab terakhir pengkaji menyimpulkan bahawa pendekatan diffusi yang dipraktikkan dalam rancangan pembangunan di Malaysia gagal mencapai matlamatnya. Oleh itu pengkaji mengemukakan pendekatan Marxist dalam Model Konflik sebagai alternatif lain untuk pembangunan.

ISI KANDUNGAN

| | | Halaman |
|---|---|---|
| PENGHARGAAN | | i |
| SINOPSIS | | ii |
| DAFTAR KANDUNGAN | | iv |
| SENARAI JADUAL | | vii |
| PETA | | ix |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Tujuan dan bidang kajian | 2 |
| | 1.3 Kepentingan kajian | 4 |
| | 1.4 Metode kajian | 5 |
| | 1.5 Masalah kajian | 8 |
| | 1.6 Konsep pembangunan | 10 |
| | 1.7 Pengukuran pembangunan | 14 |
| | 1.8 Pendekatan dalam pembangunan | 16 |
| BAB 2 | KEADAAN SOSIO-EKONOMI DI KAWASAN KAJIAN | |
| | 2.1 Tempat kajian dari segi sejarah dan pentadbiran | 28 |
| | 2.2 Penduduk | 29 |
| | 2.3 Kegiatan ekonomi | 31 |
| | 2.4 Pemilikan dan penggunaan tanah | 32 |
| | 2.5 Perbelanjaan, pendapatan dan tabungan | 35 |
| | 2.6 Keadaan sosial | 40 |

University of Malaya

| | | Halaman |
|---|---|---|
| BAB 3 | MASALAH KEMISKINAN | |
| | 3.1 Masalah kewangan | 46 |
| | 3.2 Masalah tanah | 47 |
| | 3.3 Faktor musim | 49 |
| | 3.4 Penggunaan alat tradisional | 51 |
| | 3.5 Kemudahan asas | 51 |
| | 3.6 Kenaikan harga barang | 52 |
| BAB 4 | PEMBANGUNAN LUAR BANDAR | |
| | 4.1 Projek Johor Barat | 54 |
| | 4.2 Kemudahan asas | 55 |
| | 4.3 Strategi membasmi kemiskinan | 57 |
| | 4.4 Pembangunan Sosial | 62 |
| BAB 5 | SAMBUTAN DAN KESAN PEMBANGUNAN | |
| | 5.1 Kesan ke atas keadaan ekonomi | 65 |
| | 5.2 Sambutan terhadap sistem 2L | 70 |
| | 5.3 Pemasaran | 72 |
| | 5.4 Peluang pekerjaan | 73 |
| | 5.5 Kesan ke atas keadaan sosial | 75 |

University of Malaya

| | Halaman |
|---|---|
| BAB 6 KESIMPULAN | 82 |
| BIBLIOGRAFI | |
| LAMPIRAN A | |
| LAMPIRAN B | |
| GAMBAR-GAMBAR | |

# SENARAI JADUAL


| No.Jadual | | Halaman |
|---|---|---|
| 1.8.1 | Andaian-andaian utama, konsep-konsep penting dan tokoh-tokoh dalam model Equilibrium. | 18 |
| 1.8.2 | Andaian-andaian utama, konsep-konsep penting dan tokoh-tokoh dalam model Konflik. | 24 |
| 2.2.1 | Jumlah penduduk di empat buah kampung. | 29 |
| 2.2.2. | Jumlah penduduk bagi 50 buah isirumah. | 30 |
| 2.2.3 | Jenis keturunan bagi 50 buah isirumah. | 31. |
| 2.3.1 | Jenis pekerjaan utama responden. | 32. |
| 2.4.1 | Pola pemilikan tanah. | 33 |
| 2.4.2 | Penggunaan tanah mengikut jenis tanaman dan keluasan. | 34 |
| 2.5 | Anggaran perbelanjaan keluarga bagi 50 buah isirumah. | 36 |
| 2.5.1 | Anggaran jumlah pendapatan responden yang bekerja mengikut jenis pekerjaan. | 37 |
| 2.5.2 | Jumlah kiriman wang yang diterima oleh responden dalam sebulan. | 38 |
| 2.5.3 | Jumlah tabungan dan pinjaman di kalangan responden. | 39 |
| 2.6.1 | Perkaitan antara taraf pendidikan dan tingkat pendapatan responden | 42 |
| 2.6.2 | Taraf pendidikan di kalangan anak responden | 42 |
| 2.6.3 | Kekerapan dan tempat mendapat rawatan bagi 50 buah isirumah. | 44 |


University of Malaya

| No.Jadual | | Halaman |
|---|---|---|
| 3 | Masalah penduduk di kawasan kajian | 46 |
| 4.3 | Jenis tanaman dan jumlah subsidi untuk seekar. | 58 |
| 5.1.1 | Perkaitan antara jenis tanaman dan keluasan tanah yang diusahakan oleh responden | 66 |
| 5.1.2 | Cara pemilikan peralatan menangkap udang bagi 10 orang responden. | 68 |
| 5.4.1 | Kadar pengangguran di kalangan 50 buah isirumah. | 74 |
| 5.5.1 | Pemilikan harta benda di kalangan 50 orang responden | 76 |
| 5.5.2 | Bilangan responden yang terlibat dengan pertubuhan dan jawatan yang dipegang. | 79 |
| 6.1 | Perkaitan antara kelulusan dengan bilangan anak responden yang telah bekerja. | 85 |

PETA 2 : KAWASAN MUKIM SUNGAI KARANG, PONTIAN, JOHOR



# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Sering dikatakan bahawa di abad ke-20 ini, pembangunan menjadi tumpuan bagi semua negara baik di negara-negara yang mundur mahupun di negara-negara yang telah maju. Setiap negara mempunyai rancangan pembangunan masing-masing. Dalam Negara-negara Dunia Ketiga misalnya tujuan utama pembangunan adalah untuk mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan untuk meningkatkan pendapatan perkapita. Begitu juga halnya di Malaysia, sebanyak empat rancangan pembangunan telah dilaksanakan dan sebuah rancangan dalam perencanaan. Semuanya ini termasuk dalam:-

i. Rancangan Malaysia Pertama (RMP) ; 1966 - 1970.
ii. Rancangan Malaysia Kedua (RMK) ; 1971 - 1975.
iii. Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) ; 1976 - 1980.
iv. Rancangan Malaysia Keempat (RME) ; 1981 - 1985.
v. Rancangan Malaysia Kelima (RML) ; 1986 - 1990.

Sejauhmanakah rancangan-rancangan pembangunan tersebut telah berjaya mencapai matlamatnya? Adakah ianya dapat meningkatkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat dan mengatasi masalah kemiskinan? Dalam Kajian Separuh Penggal RME telah disebutkan bahawa kadar kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia telah meningkat sedikit dari 29.0 peratus bagi tahun 1980 kepada 30.3 peratus dalam tahun 1983 (1984 : 83). Peningkatan kadar kemiskinan ini menunjukkan bahawa

rancangan pembangunan untuk membasmi atau mengurangkan masalah kemiskinan telah gagal. Maka adalah penting untuk melihat bagaimana sesebuah rancangan pembangunan berjalan dan menilai kesan-kesannya ke atas sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia.

1.2 <u>Tujuan dan bidang kajian</u>.

Kajian ini merupakan kajian kes yang telah dilakukan di empat buah kampung dalam Mukim Sungai Karang, Pontian, Johor. Kampung-kampung tersebut adalah Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat beberapa perkara seperti berikut:-

i. Meninjau keadaan sosio-ekonomi di empat buah kampung seperti yang telah disebutkan.

ii. Meninjau rancangan pembangunan luar bandar khasnya Projek Johor Barat.

iii. Menilai kesan-kesan pembangunan tersebut ke atas keadaan sosio-ekonomi masyarakat di kawasan kajian.

Bidang kajian yang disentuh oleh pengkaji adalah mengenai keadaan sosio-ekonomi, masalah kemiskinan yang wujud dan rancangan-rancangan pembanguan luar bandar. Dalam perbincangan mengenai keadaan sosio-ekonomi, pengkaji telah mengambil kira dua bidang penting iaitu bidang sosial yang menghuraikan aspek-aspek stratifikasi sosial, pendidikan penduduk, taraf kesihatan dan kemudahan

University of Malaya

sosial yang lain seperti jalan raya, bekalan air paip dan api letrik. Manakala dalam bidang ekonomi pula perbincangan akan ditumpukan kepada aspek pekerjaan, pendapatan, penggunaan dan pemilikan tanah serta simpanan dan tabungan. Tujuan perbincangan ini adalah untuk melihat keadaan sebenar penduduk di empat buah kampung tersebut di mana masalah kemiskinan yang wujud bukan sahaja terbentuk akibat kekurangan-kekurangan dalam bidang pertanian tetapi juga kemiskinan adalah melibatkan kedua-dua bidang iaitu ekonomi dan sosial. Misalnya kekurangan modal mengakibatkan kelembapan dalam pelajaran dan seterusnya menempuh masa depan yang gelap.

Seterusnya yang menjadi tumpuan pengkaji ialah beberapa usaha kerajaan untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi masyarakat. Dalam hal ini tumpuan pembangunan adalah kepada Projek Johor Barat.[1] Akhirnya pengkaji akan cuba menilai sejauh manakah usaha-usaha pembangunan luar bandar tersebut berjaya mencapai matlamatnya. Dalam perkataan lain adakah ianya dapat meningkatkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat dan seterusnya membasmi kemiskinan.

Walaupun perbincangan mengenai keadaan sosio-ekonomi masyarakat dan usaha-usaha pembangunan disentuh dengan meluas namun begitu pengkaji turut mengemukakan dua pendekatan dalam pembangunan. Ini adalah penting untuk menunjukkan apakah strategi

1. Dikenali juga sebagai 'Projek Bersepadu' yang melibatkan semua agensi kerajaan. Lihat bab 4.

atau cara yang digunakan untuk membangunan sesuatu kawasan. Pengkaji juga akan membincangkan secara kritis tentang kegagalan atau kejayaan dua model ini dalam pembangunan.

1.3 Kepentingan kajian.

Oleh kerana salah satu daripada tujuan kajian ini ialah cuba menilai kesan-kesan pembangunan yang telah dijalankan maka banyak kepentingannya. Seorang perancang ekonomi misalnya harus mengetahui sejauh manakah sesuatu projek atau pembangunan telah mencapai matlamatnya. Ini dapat diketahui dengan meneliti kesan-kesan sosio-ekonomi yang wujud di kalangan masyarakat yang ditujukan pembangunan tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan sebelum ini telah terdapat beberapa kajian ilmiah yang menyentuh tentang kesan-kesan pembangunan dan samada pembangunan itu berjaya atau sebaliknya dalam mencapai sesuatu matlamat. Ini dapat dilihat dalam tulisan Shamsul Amri Baharuddin yang membincangkan mengenai 'Tujuan dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua' (1976), tesis Ph.D. Rokiah Abdul Talib yang menyentuh kajiannya tentang 'Rancangan Pembangunan Tanah di Negeri Kelantan' (1978), Zulkifly Hj. Mustapha tentang 'Pembangunan Sosio-Ekonomi' (1985) dan banyak lagi tulisan lain yang menyentuh tentang kesan-kesan pembangunan. Oleh kerana di kawasan Mukim Sungai Karang ini belum terdapat sebarang kajian seumpama ini maka adalah diharapkan kajian ini dapat memberi faedah kepada perancang-perancang ekonomi khasnya dalam meniliti sesuatu rancangan pembangunan.

1.4 <u>Metode kajian</u>

Setiap latihan ilmiah atau kajian lain yang telah dijalankan pada hakikatnya mempunyai kaedah yang tertentu untuk mendapatkan data. Sejajar dengan itu kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah untuk mendapatkan data yang diperlukan sesuai dengan tujuan kajian. Antaranya ialah:-

a. Pemerhatian ikut serta (Participant Observation).

Dalam kajian ini pengkaji telah tinggal di sebuah rumah keluarga angkat di kampung kajian selama sebulan setengah. Semasa ini, pengkaji telah mengikuti segala aktiviti yang dilakukan oleh penduduk kampung. Ini termasuklah menghadiri majlis perkahwinan, kenduri dan tidak ketinggalan menemubual secara tidak formal di kedai-kedai kopi. Pengkaji semasa mengikuti aktiviti-aktiviti ini mencatitkan kebiasaan-kebiasaan yang telah diperhatikan ke dalam buku catitan tanpa diketahui oleh orang lain. Ini adalah untuk mengelakkan orang ramai mengetahui bahawa mereka sedang dikaji supaya mereka tidak mengubah kelakuan yang biasa. Kaedah pemerhatian ikut serta ini merupakan satu kaedah yang penting untuk mendapatkan data kerana kaedah ini dapat memberikan gambaran sebenar keadaan masyarakat yang bukan hanya boleh diperolehi melalui bacaan yang diragui kebenarannya.

b. <u>Menggunakan borang soal selidik</u>.

Sebelum ke kampung yang ingin dikaji, pengkaji telah diberikan sebanyak 50 keping borang soal selidik yang telah di-

sediakan terlebih dahulu oleh pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT), Universiti Malaya. Setiap keping borang tersebut mengandungi beberapa soalan yang perlu dijawab oleh responden yang dipilih. Soalan-soalan ini mengandungi dua bentuk iaitu:-

i. Soalan terbuka.

ii. Soalan tertutup.

Soalan terbuka ialah soalan yang tidak disediakan jawapan pilihan tetapi responden bebas memberikan jawapan mengikut apa yang dikehendaki oleh soalan. Soalan tertutup pula adalah soalan yang telah disediakan beberapa jawapan di mana responden hanya perlu memilih jawapan yang sesuai sahaja.

Jawapan yang tidak dikongkong dan bebas merupakan kebaikan-kebaikan bagi soalan terbuka. Tetapi kadang-kala jawapan yang diberikan oleh responden itu terlalu panjang dan memakan masa yang agak lama. Seperkara yang menjadi kelemahan dalam soalan terbuka ini ialah jawapan yang diberikan oleh responden tidak menepati apa yang dikehendaki oleh soalan. Manakala soalan tertutup pula adalah mudah untuk dijawab oleh responden tetapi ianya bersikap 'memaksa'. Dengan perkataan lain responden mahu tidak mahu terpaksa memberikan satu jawapan walaupun jawapan itu tidak tepat dari jawapan sebenarnya. Walau bagaimanapun kelemahan ini biasanya diatasi dengan memberikan satu jawapan lain yang memerlukan keterangan dari responden. Walaupun terdapat beberapa keburukan dalam kedua-dua bentuk soalan dalam soal selidik ini namun ianya

perlu diadakan kerana terdapat maklumat yang tidak boleh ditentukan jawapannya terlebih dahulu oleh pengkaji.

c. Temuduga.

Kaedah temuduga telah digunakan dengan dua cara. Pertamanya ialah temuduga secara formal iaitu temuduga yang berpandukan kepada soalan-soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Temuduga ini dilakukan ke atas setiap responden yang telah dipilih juga terhadap pegawai-pegawai kerajaan, penghulu dan ketua kampung untuk mendapat maklumat tambahan.

Cara kedua ialah temuduga cara tak formal yang merupakan temuduga secara sepontan oleh pengkaji. Temuduga cara ini tidak memerlukan soalan yang rapi tetapi cukup sekadar bertanyakan soalan-soalan biasa semasa pengkaji mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh penduduk kampung dan ketika berbual-bual di mana sahaja. Temuduga secara tak formal ini juga penting sebagai menguji kesahihan terhadap jawapan responden yang meragukan pengkaji.

d. Key informant.

'Key informant' merupakan seseorang penduduk atau responden yang didampingi oleh pengkaji dari awal kajian hinggalah di akhir kajian. Tujuan utamanya adalah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan untuk melenyapkan keraguan orang kampung terhadap tujuan sebenar pengkaji berada di kampung mereka. Dalam kajian ini pengkaji telah mengambil ketua kampung sebagai 'key informant'.

e. Sampling.

Semasa memulakan kajian, pengkaji dengan bantuan ketua kampung telah meninjau terlebih dahulu kawasan kampung yang dikaji. Pengkaji telah mengisi borang listing dengan nama dan alamat ketua rumah setelah ditanya kepada ketua isirumah itu sendiri. Seramai 104 orang ketua isirumah telah terkumpul dalam borang listing. Kemudian sampling secara sistematik telah dilakukan untuk memilih seramai 50 orang responden yang akan ditemuduga dengan menggunakan borang soal selidik.

f. Kajian perpustakaan.

Segala data yang dipungut melalui kajian luar sahaja tidak mencukupi bagi satu-satu kajian ilmiah. Oleh yang demikian, pengkaji terpaksa membuat beberapa rujukan dari buku-buku, majalah-majalah dan akhbar-akhbar tempatan sebagai data tambahan (secondary), Kaedah ini dinamakan kajian perpustakaan. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah ini setelah kerja-kerja luar seperti yang disebutkan di atas tadi selesai dilakukan. Kepentingan kajian perpustakaan ini dapat dilihat ketika membincangkan mengenai konsep, teori, pengukuran pembangunan dan beberapa pandangan ahli sosiologi yang berkaitan dengan data yang diperolehi. Kesemua perkara ini tidak dapat diperolehi melalui kajian luar.

1.5 <u>Masalah kajian</u>.

Masalah-masalah memang banyak dihadapi oleh pengkaji

ketika menjalankan kajian lapangan. Pada dasarnya pengkaji memang cuba melakukan kajian ini seobjektif yang mungkin. Pengkaji dalam hal ini cuba mengelakkan dari sebarang pertimbangan nilai yang menjadikan kajian ini tidak objektif. Walau bagaimanapun pengkaji terpaksa mendengar segala keterangan walaupun diketahui ianya adalah salah. Kebenaran kata-kata responden ini akan diuji melalui 'cross-cheaking' iaitu dengan bertanyakan orang lain.

Terdapat juga di kalangan responden yang kurang senang dengan kedatangan pengkaji. Mereka merasakan membanci itu tidak perlu kerana mereka telah kerap benar dibanci tetapi tidak menerima atau menikmati sebarang kemudahan dan perubahan yang dikehendaki. Tidak kurang juga responden yang menyangkakan pengkaji sebagai pegawai kebajikan masyarakat lantas memberikan keterangan yang salah dengan menonjolkan kemiskinan mereka. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan diri dan menerangkan tujuan sebenar kedatangan pengkaji ke kampung tersebut.

Kesibukan responden seharian dengan pekerjaan mereka, memaksa pengkaji menetapkan masa yang sesuai untuk membuat bancian. Pada keseluruhannya responden akan keluar bekerja di sebelah pagi dan pulang pada sebelah petang. Cuma masa di antara pukul 12.00 tengahari hingga pukul 3.00 petang sahaja yang memberi kesempatan kepada pengkaji untuk menemui responden. Oleh kerana ketiadaan kemudahan bekalan api letrik, pengkaji tidak dapat keluar di sebelah malam.

Sebagai sebuah kawasan yang baru menghadapi pembangunan, kemudahan jalan raya masih belum lagi sempurna pembinaannya. Terdapat jalan tanah merah yang menghubungi pekan dengan tempat kajian dan juga di kampung-kampung berhampiran. Hujan mengakibatkan jalan ini terlalu becak dan menyukarkan lagi pengkaji untuk membuat bancian, sebab waktu itu musim hujan.

Terlalu bergantung kepada seseorang semasa menjalankan kajian juga menimbulkan masalah tentang kebenaran keterangan yang diberikan. Ada kemungkinan orang yang sentiasa didampingi itu cuba menutup kelemahan-kelemahan yang terdapat di kampung mereka. Oleh itu walaupun 'key informant' penting dalam sesuatu kajian tetapi adakalanya mereka tidak dapat memberikan keterangan yang sebenarnya. Dalam mengatasi masalah ini pengkaji sentiasa berhati-hati dengan setiap keterangan yang diberikan dan sentiasa bertanyakan kepada orang lain untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu perkara yang meragukan.

1.6 <u>Konsep pembangunan</u>

Seringkali apabila terbina sebuah bangunan yang besar dan mewah, ada yang mengatakan itulah pembangunan. Begitu juga halnya ada yang mengatakan pembangunan itu secara berasingan. Ada pembangunan ekonomi, ada pembangunan sosial dan pembangunan politik yang tidak berkaitan antara satu sama lain. Apakah sebenarnya yang dikatakan pembangunan itu?

Secara umumnya pembangunan bolehlah dikatakan sebagai sesuatu perubahan yang dirancang untuk mencapai sesuatu matlamat ke arah kebaikan. Konsep umum ini telah dinyatakan oleh beberapa orang ahli sosiologi. Syed Husin Ali dalam tulisannya 'Alternative Development Strategies for Malaysia' menyebutkan,

> "...development involves the process of change or transformation for society as a whole." (1981 : 81)

Manakala dalam bukunya 'Apa erti pembangunan' beliau menulis bahawa,

> "Selagi pembangunan tidak dijalankan dalam semua lapangan dengan sepenuh tumpuan dengan mementingkan soal-soal yang asas dan tidak soal-soal rambang saja, maka selagi itulah pendapatan negara seluruhnya tidak akan bertambah." (1979 : 2)

Dari dua kenyataan ini dapatlah dikatakan bahawa pembangunan itu seharusnya melibatkan semua bidang baik dalam bidang ekonomi, sosial mahupun dalam bidang politik. Maka pemisahan ketiga-tiga bidang ini kepada pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan pembangunan politik adalah satu pengertian pembangunan yang sempit. Perubahan yang hanya dilakukan untuk meningkatkan daya pengeluaran sahaja tanpa mengambil kira bagaimana untuk meningkatkan taraf sosial masyarakat, bukanlah dianggap sebagai pembangunan yang menyeluruh. Ketegasan dalam memperkatakan bahawa pembangunan melibatkan semua bidang juga disebutkan oleh M. Meier. Dalam tulisannya mengenai pembangunan kebangsaan, beliau menyatakan pembangunan ekonomi hanyalah sebahagian daripada pembangunan kebangsaan dan pembangunan itu sendiri merangkumi semua bidang iaitu bidang-bidang sosial, ekonomi dan politik (1970 : 5).

Dudley Seers dalam artikelnya 'The meaning of Development' telah mengaitkan tiga faktor penting kepada pembangunan iaitu:

i. Kemiskinan.

ii. Pengangguran.

iii. Ketaksamarataan. (1970 : 2).

Menurut D. Seers apabila salah satu daripada faktor-faktor tersebut meningkat secara berterusan atau berlanjutan dalam jangkamasa yang panjang[2] pembangunan tidak akan berlaku. Misalnya apabila masalah kemiskinan berlarutan dalam sesebuah negara, pengangguran dan ketaksamarataan turut berlaku dan seterusnya pembangunan sukar dilaksana.

Seperkara penting yang diutarakan oleh D. Seers ialah pembangunan itu membawa atau mempunyai sesuatu matlamat yang tertentu. Seperti yang telah dibincangkan sebentar tadi jelas bahawa pembangunan adalah untuk menghapuskan kemiskinan, pengangguran dan ketaksamarataan. Memang tidak dinafikan bahawa wujudnya pembangunan adalah disebabkan oleh masalah-masalah tertentu dalam sesebuah negara. Maka memang menepati pengertian umum pembangunan iaitu ianya merupakan perubahan untuk sesuatu tujuan kebaikan.

Pembangunan juga melibatkan bidang politik. Malah kuasa politiklah yang menentukan sesuatu pembangunan dan coraknya. Di Malaysia misalnya sebelum sesuatu rancangan pembangunan diluluskan ianya telah dibahaskan terlebih dahulu di Parlimen. Lulus atau

2. Jangkamasa yang panjang ini diertikan antara 5 hingga 10 tahun. Ini adalah bagi mengelakkan dari mengira kenaikan atau kemerosotan yang disebabkan oleh fenomena inflasi atau kemelesetan.

tidaknya rancangan itu pula ditentukan oleh tampuk pemerintahan atau parti politik yang berkuasa. K.B.Griffin dan J.L.Enos dalam buku mereka 'Planning Development' turut menyebutkan bahawa keputusan dalam bidang ekonomi adalah juga keputusan dalam bidang politik. Menurut mereka:

> "...each economic decision is also political and social decision for one cannot change the structure of the economy without changing the distribution of power or the relation between its citizens because economic decision have political and social consequences..." (1970 : 6)

Dalam usaha untuk membawa suatu pembangunan yang lebih berjaya, kestabilan atau kemantapan politik memanglah perlu di dalam sesebuah negara yang inginkan pembangunan. Mahathir Mohammad dalam 'Cita-cita dan Pencapaian' menyatakan:

> "Dengan adanya kestabilan politik dan dasar ekonomi yang kukuh kita dapat merancang kadar pembangunan yang tinggi dan memajukan usaha-usaha kita untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi masyarakat Malaysia. (1982 : 115)

Berkaitan dengan konsep pembangunan ini juga terdapat beberapa istilah lain yang digunakan iaitu 'perkembangan' dan 'pertumbuhan'. Adalah perlu dijelaskan maksud istilah-istilah tersebut untuk menunjukkan perbezaannya dengan konsep pembangunan. Perkembangan adalah proses semulajadi yang tidak dirancangkan terlebih dahulu atau disengajakan. Ianya tertakluk kepada alam sekitar. Pengertian ini dikaitkan dengan beberapa tokoh seperti Comte, Spencer, Durkheim, Morgan dan Tylor yang menyamakan istilah ini dengan pergerakan masyarakat iaitu pergerakan secara evolusi

dari tahap rendah ke tahap tinggi. Misalnya Morgan menyatakan masyarakat berkembang dari savargery ke barbarism dan menuju ke tahap tamadun. Manakala istilah pertumbuhan membawa erti pertambahan di dalam kuantiti bahan atau benda yang sedia ada. Seperti kata D. Seers pembangunan itu melibatkan dua proses iaitu pertumbuhan dan kemudian diikuti oleh pembangunan ekonomi (pengagihan pendapatan). Maka jelasnya istilah-istilah ini berkaitan dengan konsep pembangunan.

1.7 Pengukuran pembangunan.

Persoalan setakat mana sesebuah negara itu dikatakan sudah membangun atau tidak masih lagi menjadi pokok perbincangan. Setengah orang mengatakan dengan terbinanya bangunan yang tinggi, maka pembangunan ekonomi telah berlaku. Malah sekiranya terbina sekolah-sekolah yang moden, maka dikatakan sudah ada pembangunan dalam pendidikan. Sebenarnya bangunan tersergam tidak menandakan bahawa sesebuah masyarakat telah berkembang atau membangun. Oleh itu Keluaran Negara Kasar (KNK) sesebuah negara dan pendapatan perkapita sering dijadikan kayu ukur pembangunan. Pembangunan dikatakan akan berlaku sekiranya terdapat pertambahan dalam pendapatan perkapita dan KNK sesebuah negara. Namun begitu dengan mengambilkira kedua-dua perkara ini sebagai kayu ukur pembangunan ianya melibatkan beberapa masalah.

KNK sesebuah negara sebenarnya tidak memberikan gambaran yang tepat tentang pembangunan dalam sebuah negara. Dengan menganggap Amerika Syarikat sebagai sebuah negara maju dan membangun

berasaskan KNKnya yang tinggi, perlulah diteliti beberapa perkara. Sebagai contoh, perlulah dilihat sebab-sebab mengapa KNKnya tinggi berbanding dengan KNK di Malaysia atau di negara-negara sedang membangun. Adalah jauh bezanya dalam KNK sekira dibuat perbandingan antara negara industri dan negara yang berasaskan pertanian. Keluaran dalam pertanian dan perlombongan di Malaysia misalnya sentiasa berubah-ubah mengikut pasaran dunia. Lain halnya di Amerika Syarikat keluaran dalam industri membuat alat-alat senjata sahaja telah menguntungkan berjuta-juta ribu ringgit. Ini semua dikira dalam KNK.

Masalah yang serupa juga timbul apabila mengambilkira pendapatan perkapita sebagai kayu ukur pembangunan. Pendapatan perkapita seperti yang dinyatakan dalam lapuran-lapuran ekonomi hanya menggambarkan keadaan pengeluaran, pengagihan pendapatan dan pendapatan negara. Pekerjaan-pekerjaan seperti seorang ibu menjaga anaknya, bekerja secara sukarela, gotong royong dan seumpamanya tidak termasuk di dalam pengiraan pendapatan perkapita.

Cuma cara yang mudah untuk menentukan pembangunan ialah dengan melihat pengagihan pendapatan yang terdapat dalam sesebuah negara. Di Malaysia misalnya, seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal RME pengagihan pendapatan di antara golongan masyarakat dan kaum masih belum menunjukkan keseimbangan. Ini dapat dilihat dalam lampiran A. Dari jadual tersebut dapat diketahui bahawa jumlah pendapatan purata sebenar sebulan bagi setiap isirumah

kaum Melayu adalah $296 berbanding dengan $565 bagi isirumah kaum Cina dan $455 bagi isirumah kaum India. Manakala jumlah pendapatan sebulan yang diperoleh oleh penduduk di bandar jauh bezanya dengan jumlah pendapatan penduduk di luar bandar. Malah kebanyakan jumlah pendapatan sebenar ini dimiliki oleh golongan kaya yang sedikit bilangannya manakala jumlah kecil pendapatan dimiliki oleh golongan penduduk miskin yang meliputi sebahagian besar masyarakat Malaysia. Maka dapat dibuat kesimpulan bahawa selagi jurang pendapatan sebenar ini ketara, selagi itulah sesebuah negara tidak dikatakan telah membangun.

1.8 Pendekatan dalam pembangunan.

Terdapat berbagai-bagai cara atau strategi pembangunan dalam sesebuah negara. Dalam bahagian ini, pengkaji hanya akan membincangkan pendekatan-pendekatan pembangunan yang telah digolongkan oleh A.E.Havens (1972) dan A.G.Frank (1973). A.E.Havens dalam artikalnya yang bertajuk 'Methodological Issues In The Study of Development' telah mengemukakan dua model sebagai strategi untuk pembangunan iaitu model equilibrium dan model konflik. Kedua-dua model ini melambangkan pertentangan di antara pihak konservatif dan pihak radikal. Pihak konservatif lebih mirip kepada model equilibrium sementara pihak radikal pula lebih cenderung kepada model konflik. Pertentangan kedua-dua pendekatan ini adalah berkisar kepada persoalan pokok iaitu mengenai sistem pengagihan yang wujud dalam masyarakat sebagai punca kemunduran dan sebagai masalah

dalam pembangunan.

Untuk menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut adalah baik jika diteliti satu persatu varian yang terdapat dalam kedua-dua model. Model equilibrium telah didirikan atas tiga varian iaitu:

1. Behaviourist.
2. Psikodinamik.
3. Diffusi.

Ringkasnya andaian-andaian utama dan tokoh-tokoh yang terlibat dalam pendekatan equilibrium ini dapat ditunjukkan dalam jadual 1.8.1.

1. Behaviourist.

Pendekatan ini menegaskan bahawa perlakuan seseorang itu membentuk masyarakat dan perlakuan-perlakuan itu adalah disebabkan oleh sosialisasi semasa kecil. Pembangunan dan kemajuan dalam sesebuah negara itu hanya akan berlaku melalui pembelajaran pengalaman seseorang. Dan setiap individu yang hidup pasti menghadapi masalah deprivasi yang ditentukan oleh konteks dalaman. Maka pendekatan ini menekankan peri mustahaknya pembelajaran semula, sikap rasionalisasi dan lain-lain dalam mengejar nilai untuk memajukan masyarakat itu supaya dapat mencapai kehidupan yang lebih baik.

Jadual 1.8.1

Andaian-andaian utama, konsep-konsep penting dan tokoh-tokoh, dalam Model Equilibrium.

| Tokoh | Andaian-andaian utama | Konsep-konsep penting |
|---|---|---|
| <u>A: Behaviourist</u><br>Kunkel (1970),<br>Lipset (1967),<br>Homans (1961),<br>Parsons (1960),<br>Erasmus (1961),<br>Eisenstadt (1966). | 1. setiap individu menghadapi masalah deprivasi yang ditentukan oleh konteks dalaman ia hidup,<br>2. sikap boleh diubah bila-bila masa saja, dan<br>3. pembangunan dan kemajuan akan berlaku melalui pembelajaran pengalaman | 1. modenisasi,<br>2. pembelajaran,<br>3. internalisasi,<br>4. sikap deprivasi,<br>5. nilai,<br>6. rasionaliti,<br>7. sosialisasi di peringkat dewasa, dan<br>8. Perubahan intragenerasi |
| <u>B: Psikodinamik</u><br>Hagen (1962),<br>McClelland (1961). | 1. Proses sosialisasi semasa kanak-kanak, seseorang individu menentukan perlakuan masa depannya yang mungkin menjejas dayaciptanya,<br>2. adanya perbezaan antara perlakuan individu kini dengan persekitaran sosial sekarang, dan<br>3. pembangunan berlaku bersama-sama pola-pola sosialisasi yang baru | 1. sahsiah,<br>2. kemunduran,<br>3. pengalaman semasa kanak-kanak,<br>4. penarikan diri dari status,<br>5. perubahan intergenerasi, dan<br>6. modenisasi. |
| <u>C: Diffusi</u><br>Rostow (1971),<br>Hirschman (1958),<br>Rogers (1969),<br>Hoselitz (1960),<br>Levy (1966),<br>M. Nash (1963). | 1. Keujudan dualisma sosial yang simplistik berasaskan perbezaan darjah penggunaan teknologi moden; sektur-sektur tradisional - moden<br>2. Pembangunan berlaku melalui penyaluran input-input seperti teknologi baru, modal dan institusi baru dari moden ke tradisional. | 1. Kadar dan paras<br>2. Kadar perubahan unit ekologi<br>3. sektur yang ketinggalan<br>4. pertumbuhan teknologi<br>5. daya pengeluaran<br>6. modenisasi |

Sumber: A.E.Havens op.cit, disesuaikan oleh Shamsul Amri.

2. Psikodinamik.[3]

Pendekatan psikodinamik menumpukan perhatian kepada ciri-ciri sosial, budaya dan psikologi yang dianggap penting dan sebagai faktor penggalak kepada modenisasi dan pembangunan ekonomi. Pendekatan ini mengandaikan bahawa proses sosialisasi semasa kanak-kanak penting untuk menentukan perlakuan masa depannya yang mungkin juga mengubah daya ciptanya. Oleh itu pembangunan hanya berlaku bersama-sama pola-pola sosialisasi yang betul.

3. Diffusi.

Pendekatan terpenting dalam model equilibrium ini adalah pendekatan diffusi. Salah seorang tokoh yang terkemuka berkaitan dengan pendekatan ini ialah W.W.Rostow yang telah menulis sebuah buku yang bertajuk 'The Stages of Economic Growth' (1970). Beliau juga merupakan seorang tokoh yang memperkenalkan pendekatan pensejarahan (historical).[4]

Perbincangan atau andaian pendekatan diffusi ini adalah lebih menumpukan kepada ciri-ciri perubahan dalam sesebuah masyarakat dari segi teknologi, daya pengeluaran dan modenisasi. Diffusi adalah dikaitkan dengan perubahan yang berlaku akibat perkembangan negara maju dan mundur. Ringkasnya pendekatan diffusi

---

3. A.G.Frank pula telah menggunakan istilah Psychological. Walau bagaimanapun istilah ini dengan istilah psikodinamik (psychodynamics) mempunyai andaian-andaian yang sama.
4. Pendekatan pensejarahan merupakan salah satu dari dua varian yang terdapat dalam Ideal-Typical Index oleh A.G.Frank. Varian yang lain adalah 'Pattern Variable'. Lihat B.F. Hoselitz <u>Sociological Aspect of Economic Growth</u>, 1960, USA.

mempunyai dua andaian utama iaitu:-

i. Kewujudan dualisma sosial yang simplistik (mudah) berasaskan perbezaan darjah penggunaan teknologi moden.

ii. Pembangunan akan berlaku melalui penyaluran kemasukan (input) seperti teknologi baru, modal dan institusi baru dari moden ke tradisional.

Andaian-andaian dalam pendekatan diffusi ini sebenarnya menyamai pendekatan Ideal Typical Index iaitu pengolongan yang telah dibuat oleh A.G.Frank dalam tulisannya 'Sociology of Development and Under-development of Sociology'. Ideal Typical Index ini adalah berdasarkan kepada dua teori pembangunan dan kemunduran iaitu traditional state dan teori kelasik dualism yang menyatakan terdapat dua sektor yang terpisah antara satu sama lain. Sektor-sektor itu ialah sektor tradisional yang mundur dan sektor moden yang maju. Oleh itu pendekatan diffusi atau Ideal Typical Types ini menekankan perhubungan sehala dari sektor moden kepada sektor tradisional.

Dari perbincangan mengenai ketiga-tiga pendekatan ini dapatlah disimpulkan bahawa model equilibrium ini menganggap bahawa sistem pengagihan yang wujud dalam masyarakat adalah adil dan stabil. Penyaluran input dari sektor maju ke sektor mundur membayangkan bahawa perhubungan di antara kedua-dua sektor tersebut adalah berjalan dengan baik. Ini bertentangan sekali dengan

pendekatan dalam model konflik yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut.

Memang tidak dinafikan model equilibrium merupakan salah satu cara atau strategi dalam pembangunan. Walau bagaimanapun model ini mempunyai beberapa kelemahan. Dua pendekatan yang telah dibincangkan dari awal iaitu pendekatan behaviourist dan psikodinamik sebenarnya adalah lebih menumpukan kepada individu dalam masyarakat dan tidak kepada masyarakat secara keseluruhannya. Andaian-andaian yang telah dikemukakan hanyalah boleh berlaku di dalam suasana yang stabil sahaja. Ini bermakna pembentukan perlakuan seseorang itu susah untuk dibentuk apabila menghadapi konflik yang berlanjutan.

Sementara itu pendekatan diffusi juga mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Salah satu andaiannya yang terpenting ialah dengan menyatakan wujudnya perhubungan sehala dari negara maju ke negara mundur untuk mencapai matlamat pembangunan. Tetapi jika ditinjau pada hakikat sebenarnya dari masa dahulu hinggalah pada masa ini, perhubungan sehala seperti yang telah disarankan oleh pendekatan ini jarang berlaku. Sebuah negara yang telah maju, tidak akan maju dalam bidang industrinya tanpa mengimport bahan-bahan mentah dari negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia misalnya. Dalam memperkatakan tentang perhubungan ini banyak dipersoalkan sejauhmanakah bantuan negara-negara maju itu benar-benar mahu menolong negara yang mundur. Kajian Separuh Penggal RME menyatakan pinjaman rasmi negara telah meningkat se-

banyak $11.9 ribu juta dalam tempoh 1980-83. Manakala pinjaman perdagangan bersih telah bertambah daripada $101 juta dalam tahun 1981 kepada $1095 juta dalam tahun 1983 (m.s 62-63). Pinjaman ini sebenarnya berpunca dari negara asing. Begitu juga halnya dengan pemodal-pemodal asing telah mendapat keuntungan yang banyak. Kajian-kajian yang dibuat di Universiti Malaya, menunjukkan bahawa pemodal-pemodal asing telah mendapat keuntungan lebih dari $1,200 dalam tahun 1969, walaupun mengikut seorang menteri dalam Parlimen pada tahun 1974, jumlahnya separuh daripada itu iaitu kira-kira $600 juta. (Syed Husin Ali, 1979 : 65). Ini membuktikan walaupun pada dasarnya negara-negara metropolis menyatakan hasrat untuk membantu negara-negara mundur tetapi disebalik hasrat baiknya itu, negara-negara tersebut cuba menindas negara-negara mundur dengan mengambil keuntungan yang lebih.

Kelemahan andaian di atas juga turut melemahkan andaian diffusi yang menganggap kemunduran sama seperti masyarakat tradisional dan negara maju sebagai masyarakat moden. Hakikat ini adalah sukar untuk diterima memandangkan Malaya pada zaman kolonial misalnya pernah dijajah kerana kekayaan sumber alamnya. Oleh itu adalah salah sekiranya menganggap masyarakat tradisi sebagai mundur dan sebaliknya.

2. Model Konflik.

Model ini pula telah digolongkan oleh A.E.Havens kepada dua pendekatan iaitu:-

i. Structuralist Non-Marxist.

ii. Marxist.

Ringkasnya andaian-andaian dan tokoh-tokoh yang terlibat dalam dua pendekatan ini dapat ditunjukkan dalam jadual 1.8.2. Pendekatan Structuralist Non-Marxist dan Marxist ini walaupun tergolong di dalam model konflik namun antaranya terdapat sedikit perbezaan. Ini dapat dijelaskan seperti berikut.

i. Structuralist Non-Marxist.

Pendekatan ini umumnya menekankan unsur-unsur konflik tetapi ia tidak menolak terus faedah-faedah dari wujudnya struktur tertentu dalam masyarakat. Perkara inilah yang membezakan di antara kedua-dua pendekatan dalam Model Konflik. Pendekatan Structuralist Non-Marxist ini mengakui bahawa konflik memang tidak dapat dielakkan dalam sesebuah masyarakat. Konflik akan timbul apabila ada institusi-institusi yang membelenggu kebebasan individu. Apa yang penting telah disarankan oleh pendekatan ini ialah untuk mencapai satu-satu kebebasan tidak semestinya adakan revolusi.

ii. Marxist.

Memandangkan pendekatan Marxist ini bertentangan sekali dengan pendekatan dalam Model Equilibrium seperti yang telah dibincangkan maka adalah penting jika pendekatan ini diteliti dengan lebih mendalam. Dalam membincangkan tentang pendekatan ini, pengkaji akan mengemukakan pandangan A.G.Frank yang menolak teori-teori

Jadual 1.8.2

Andaian-andaian utama, konsep-konsep penting dan tokoh-tokoh dalam Model Konflik.

| Tokoh | Andaian-andaian utama | Konsep penting |
|---|---|---|
| A: Structuralist Non-Marxist: | | |
| Dahrendorf (1959)<br>Heilbroner (1963)<br>Prebisch (1970)<br>Nettle dan Robertson (1968)<br>Horowitz (1966) | 1. adalah diluar kemampuan individu untuk meramalkan akibat-akibat pensejarahan,<br>2. tidak perlu kebangkitan bercorak revolusiner untuk pembangunan diujudkan,<br>3. parti-parti politik mewakili kelas untuk mencari equilibrium baru dalam konteks penyelesaian ala-Pareto,<br>4. equilibrium sentiasa bergerak,<br>5. pembentukan kelas tidak berkait dengan mode pengeluaran<br>6. kadar perubahan bergantung pada intensiti dan kekerasan yang berlaku dalam konflik kelas. | 1. Pluralisma,<br>2. Konflik,<br>3. Pengurusan-konflik,<br>4. Strata,<br>5. Cara,<br>6. akibah-akibah<br>7. kekuasaan<br>8. reform berbentuk institusional<br>9. dualisma struktural<br>10. perubahan struktur |
| B: Marxist | | |
| Szentes (1971)<br>Mafeje (1970)<br>Baran (1957)<br>Sweezy (1966)<br>Dis Santos (1970)<br>Sunkel (1970)<br>A.G.Frank (1971) | 1. mode pengeluaran menjadi asas tindakan-tindakan dan struktur kelas,<br>2. diparas pengelompokan sosial, kelas-kelas ujud berdasarkan hubungan kelompok-kelompok dengan mode pengeluaran,<br>3. kalau ada tendensi untuk ujudnya struktur dwi-kelas di peringkat hubungan-hubungan sosial ini akan mengubah mode pengeluaran,<br>4. perubahan-perubahan adalah berkait dengan sejarah hubungan antara masyarakat dalam proses perkembangan mode pengeluaran. | 1. Imperialisma,<br>2. Hakmilik cara pengeluaran<br>3. penumpuan hakmilik sumber-sumber<br>4. proletarianization,<br>5. pembentukan kelas<br>6. kesedaran kelas<br>7. pergelutan kelas<br>8. pembangunan |

Sumber : A.E.Havens, op.cit disesuaikan oleh Shamsul Amri.

kemunduran dan pembangunan yang tergolong dalam Model Equilibrium. Menurut beliau, pendekatan-pendekatan tersebut hanyalah merupakan analisis yang menunjukkan ciri-ciri yang terdapat dalam negara-negara mundur tetapi ianya tidak menghuraikan mengapa keadaan kemunduran masih terdapat di negara-negara tersebut. A.G.Frank kemudiannya mengemukakan satu model yang melibatkan keseluruhan masyarakat dalam satu jenis jaringan hubungan yang khusus.

Hubungan tersebut adalah di antara negara mundur dan negara maju yang dipanggil sebagai hubungan metropolis-satellite dan lebih terkenal sebagai teori pengantungan.

Perhubungan metropolis-satellite ini memperlihatkan ikatan di antara negara:-

a. Negara-negara mundur (satellite) dan negara-negara maju (metropolis).

b. Di peringkat sebuah negara, ibu negara yang maju (metropolis) dan kawasan pendalaman yang mundur (satellite).

Ikatan ini juga tidak terhad kepada kawasan yang renggang semata-mata. Salah satu kriteria unggul dalam teori Frank ialah ia merangkumi entiti, kawasan dan juga kelas-kelas sosial. Oleh itu hubungan di antara tuan tanah dengan petani juga menunjukkan satu ikatan satellite-metropolis seperti ikatan di antara kawasan yang renggang.

Mengikut Frank metropolis sentiasa menyedut kekayaan ekonomi dari negara-negara satellite. Ini menunjukkan ada satu

University of Malaya

kontinum antara hubungan metropolis-satellite di peringkat antarabangsa dan nasional iaitu:




Sumber: Shamsul Amri, m.s 25.

Fakta penting yang ditekankan oleh Frank ialah beliau telah memperhitungan sejarah di mana negara-negara mundur sekarang adalah terpadu dalam satu sistem ekonomi kaptialis atau apa yang sering disebut sebagai sistem feudal. Dalam sistem ini terdapat dua golongan yang mana golongan kelas menengah dan atasan yang kecil bilangannya membelakangkan kepentingan sebahagian besar golongan kelas bawahan dari segi ekonomi. Dalam keadaan di mana hubungan metropolis atau 'yang menaung' dengan satellite atau 'yang dinaungi' itu rapat dan kuat, sehingga satellite dapat ditakluki dalam serba hal oleh metropolis. Maka akibatnya ialah keuntungan bagi metropolis akan wujud atas asas kerugian bagi satellite. Jadi alternatif Frank ialah mengutamakan perubahan radikal struktur yang wujud di negara-negara mundur sebagai langkah pertama yang harus diterap-

kan ke dalam polisi modenisasi ekonomi negara-negara mundur.

Ringkasnya kita dapati jenis-jenis pendekatan dalam kedua-dua model yang telah dikemukakan menyarankan polisi-polisi pembangunan masing-masing. Apa yang jelas ialah rancangan pembangunan yang dicadangkan oleh model Equilibrium berbeza dengan andaian dan polisi pembangunan yang terdapat dalam pendekatan-pendekatan model Konflik. Model Equilibrium terutamanya pendekatan diffusi menumpukan kepada penyaluran teknologi dari sektor bandar ke sektor luar bandar yang mundur. Manakala pendekatan Marxist dalam model Konflik menyarakan suatu perombakan dalam struktur untuk mencapai matlamat modenisasi dan pembangunan. Teori-teori tentang pembangunan ini kerap kali atau secara tidak langsung mempengaruhi corak pemikiran pembuat polisi atau perancang ekonomi untuk melaksanakan sesuatu rancangan pembangunan. Maka, begitulah keadaannya di Malaysia, kebanyakan projek pembangunan termasuklah rancangan pembangunan yang dibincangkan dalam latihan limiah ini, memperlihatkan ciri-ciri persamaannya dengan pendekatan diffusi. Oleh itu perbincangan dua pendekatan ini adalah penting ketika membuat penilaian kejayaan atau kegagalan rancangan pembangunan.

# BAB 2

# KEADAAN SOSIO-EKONOMI DI KAWASAN KAJIAN

## 2.1 Tempat kajian dari sejarah dan pentadbiran.

Kedudukan Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai (dalam Mukim Sungai Karang), adalah kira-kira 16 km dari bandar Pontian, Johor iaitu dengan melalui jalan tanah merah sejauh 8.8 km. Kampung-kampung ini telah dibuka oleh orang Indonesia berketurunan Bugis yang berhijrah dari Sulawesi, Indonesia kira-kira tahun 1890an dan bertambah pada tahun 1910-1913. Mengikut kajian yang telah dilakukan oleh Azizi Muda, kedatangan orang-orang Indonesia ini adalah ekoran dari pemerintah Johor selepas 1884 yang menggalakkan orang luar dari segala bangsa masuk membuka tanah di Johor (1981 : 155). Di samping itu, memang menjadi hasrat orang-orang Bugis ingin mencari kehidupan yang lebih baik di Tanah Melayu.[5]

Dari segi pentadbiran, Mukim Sungai Karang terletak di bawah pengawasan seorang penghulu iaitu Encik Nawawi Awang dengan dibantu oleh 4 orang ketua kampung yang mengawasi beberapa buah kampung. Untuk kemajuan kampung, seorang Juruteknik Pertanian dan

---

5. Hasil temuduga dengan ; i. Hj.Hakim Pelarak (Imam), 81 tahun.
ii. Hj.Burak Hj.Tua, 56 tahun.
iii. Majid Hj.Taha (ketua kampung) 48 tahun.

University of Malaya

Pembantu luar pertanian ditugaskan bagi mengawasi kegiatan ekonomi penduduk kampung.[6]

## 2.2 Penduduk

Mengikut banci awal yang dilakukan oleh pengkaji, jumlah keseluruhan penduduk di empat buah kampung yang dikaji adalah seramai 607 orang. Ini dapat dilihat dalam jadual 2.2.1

Jadual 2.2.1 : Jumlah penduduk di empat buah kampung.

| Kampung | Jumlah penduduk | Peratus |
|---|---|---|
| Kg.Sg.Senai | 53 | 8.7 |
| Kg.Belokok | 268 | 44.2 |
| Kg.Sg.Peradin | 157 | 25.9 |
| Kg.Sg.Punai | 129 | 21.2 |
| Jumlah | 607 | 100.0 |

Kampung Belokok mempunyai jumlah penduduk yang terbesar iaitu sebanyak 44.2% dari empat buah kampung yang dikaji. Diikuti dengan penduduk di Kampung Sungai Peradin (25.9%), Kampung Sungai Punai (21.2%) dan Kampung Sungai Senai (8.7%).

Manakala jumlah penduduk bagi 50 buah isirumah adalah seramai 271 orang iaitu 137 orang lelaki dan 134 orang perempuan.

---

6. Lihat lampiran B.

University of Malaya

Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 2.2.2.

Jadual 2.2.2 : Jumlah penduduk bagi 50 buah isirumah.

| Umur | Lelaki | | Perempuan | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | Peratus | Bilangan | Peratus |
| 0 - 10 | 33 | 24.1 | 23 | 17.2 |
| 11 - 20 | 27 | 19.7 | 36 | 26.9 |
| 21 - 30 | 20 | 14.6 | 16 | 11.9 |
| 31 - 40 | 14 | 10.2 | 11 | 8.2 |
| 41 - 50 | 12 | 8.8 | 18 | 13.4 |
| 51 - 60 | 14 | 10.2 | 16 | 11.9 |
| 61 - 70 | 14 | 10.2 | 10 | 7.5 |
| 71 ke atas | 3 | 2.2 | 4 | 3.0 |
| Jumlah | 137 | 100.0 | 134 | 100.0 |

Dari jadual di atas jelas bahawa sebahagian besar penduduk berumur di antara 0 hingga 30 tahun. Jumlah penduduk yang berumur antara 31 - 50 tahun adalah kecil. Ini disebabkan perpindahan penduduk pada tingkat umur ini adalah tinggi.

Dipandang dari segi bangsa bagi 50 buah isirumah, hanya terdapat sebuah keluarga berbangsa Cina, 3 buah keluarga berketurunan Melayu dan dua buah keluarga beketurunan Jawa. Manakala sebahagibesarnya iaitu sebanyak 88% adalah berketurunan Bugis. Ini dapat dilihat dalam jadual 2.2.3.

Jadual 2.2.3 : Jenis keturunan bagi 50 buah isirumah.

| Keturunan | Jumlah keluarga | Peratus |
|---|---|---|
| Bugis | 44 | 88 |
| Melayu | 3 | 6 |
| Cina | 1 | 22 |
| Jawa | 2 | 4 |
| Jumlah | 50 | 100 |

2.3 Kegiatan ekonomi.

Pertanian merupakan kegiatan utama bagi penduduk di kawasan ini. Kegiatan ini diwarisi secara turun temurun sejak kedatangan orang Indonesia yang terkenal dengan kegigihan dan ketekunan dalam usaha-usaha pertanian (Azizi Muda, 1981 : 155). Selain daripada pertanian, kegiatan ekonomi lain termasuklah kegiatan perikanan,[7] berniaga dan buruh binaan. Jenis pekerjaan utama penduduk dapat ditunjukkan dalam jadual 2.3.1

Jadual ini menunjukkan bahawa pekerjaan utama penduduk di kawasan ini adalah sebagai penoreh getah yang melibatkan sebanyak 54%. Sebanyak 20% melibatkan diri dengan kegiatan menangkap udang di Sungai Pulai. Jelasnya sebahagian besar kegiatan ekonomi di sini lebih cenderung menjalankan pekerjaan sendiri.

---

7. Dalam konteks di kampung kajian, kegiatan perikanan merujuk kepada kegiatan menangkap udang sebagai hasil jualan manakala ikan yang ditangkap hanya untuk keperluan harian.

University of Malaya

Jadual 2.3.1 : Jenis pekerjaan utama responden

| Pekerjaan | Bil.responden | Peratus |
|---|---|---|
| Pekebun kecil getah | 27 | 54 |
| Nelayan | 10 | 20 |
| Bekerja di ladang kelapa sawit | 3 | 6 |
| Buruh binaan | 3 | 6 |
| Berniaga | 2 | 4 |
| Ketua kampung | 1 | 2 |
| Tak bekerja | 4 | 8 |
| Jumlah | 50 | 100 |

2.4 Pemilikan dan penggunaan tanah

Beberapa cara pemilikan tanah di empat buah kampung yang dikaji dapat ditunjukkan dalam jadual 2.4.1. Boleh dikatakan sebanyak 54% dari jumlah 50 orang responden memiliki tanah secara pewarisan. Keluasan tanah yang dimiliki dengan cara ini adalah kecil. Hanya 2 orang responden sahaja yang memiliki keluasan tanah antara 6 hingga 8 ekar. Seramai 14 orang memiliki tanah seluas 3 hingga 5 ekar dan 11 orang memiliki tanah seluas 0.1 hingga 2 ekar sahaja. Hal ini disebabkan oleh pembahagian harta pusaka kepada waris simati mengikut Hukum Faraid dalam Islam. Oleh itu tanah luas yang dahulunya diteroka kini telah terbahagi kepada bidang yang kecil malah ada yang terus menjual tanah disebabkan masalah kewangan. Ini dapat dibuktikan dari jadual 2.4.1 yang menunjukkan 2 orang responden masih memiliki tanah secara teroka

dengan keluasan 8 ekar ke atas. Tanah yang diperolehi hasil titik peluh mereka masih belum dibahagikan kepada waris.

Jadual 2.4.1 : Pola pemilikan tanah.

| Cara pemilikan | Luas tanah (ekar) | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | 0.1 - 2 | 3 - 5 | 6 - 8 | 8 ke atas | |
| Warisan | 11 | 14 | 2 | 0 | 27(54%) |
| Beli | 4 | 4 | 1 | 0 | 9(18%) |
| Pawah | 0 | 1 | 3 | 1 | 5(10%) |
| Menyewa | 0 | 0 | 0 | 1 | 1(2%) |
| Teroka | 0 | 0 | 0 | 2 | 2(4%) |
| Tiada tanah | 4 orang | | | | 4(8%) |

Membeli dan menebus kembali tanah telah dilakukan akhir-akhir ini setelah menyedari kepentingan tanah untuk kehidupan masa depan. Seramai 9 orang responden telah membeli tanah dengan harga di antara $1000 hingga $2000 seekar. Harga sebidang tanah berbeza-beza mengikut keluasan, jenis dan pertimbangan penjual itu sendiri.

Mengusahakan tanah orang lain di mana hasilnya dibahagi dua (pawah) melibatkan seramai 5 orang responden. Dalam sistem pawah ini pekerja biasanya tidak memiliki tanah yang luas malah ada yang tidak memiliki tanah langsung. Maka di sini wujud perbezaan pemilikan tanah dan kekayaan antara tuan tanah dan pekerja.

Tanah milik kerajaan (rizab) masih belum dimiliki atau

diusahakan sepenuhnya. Ini disebabkan tanah paya yang tidak begitu subur dan ditumbuhi oleh hutan kayu bakar. Namun begitu terdapat 2 orang responden telah mengusahakan tanah tersebut setelah permohonan mereka diluluskan.

Sebagai salah satu faktor pengeluaran yang penting, tanah telah diusahakan dengan pelbagai tanaman. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 2.4.2

Jadual 2.4.2 : Penggunaan tanah mengikut jenis tanaman dan keluasan.

| Jenis tanaman | Jumlah keluasan tanah (ekar) | Jumlah responden yang mengusahakan tanah(8) | Purata keluasan untuk seorang responden |
|---|---|---|---|
| Getah | 119 | 30(69.8%) | 4 |
| Kelapa sawit | 14 | 3 (7%) | 5 |
| Nenas | 10 | 5(11.6%) | 2 |
| Kelapa | 9 | 3 (7%) | 3 |
| Tanaman lain | 6 | 2 (4.6%) | 3 |
| Jumlah | 158 | 43 (100%) | 17 |

Getah merupakan tanaman terpenting sejak ianya diperkenalkan di Johor pada tahun 1905. Berbanding dengan tanaman jualan yang lain seperti kelapa sawit (14 ekar), nenas (10 ekar) dan kelapa (9 ekar), keluasan untuk tanaman getah sahaja mencapai 119 ekar. Seramai 30 orang responden telah mengusahakan tanaman getah dengan

8. Jumlah responden yang mengusahakan tanaman sebagai pekerjaan utama dan sambilan.

purata keluasan tanah sebanyak 4 ekar seorang. Setakat ini hanya 3 orang responden yang mengusahakan tanaman kelapa sawit. Walau bagaimanapun mereka masih bergantung kepada tanaman getah sementara menantikan hasil kelapa sawit. Sebanyak 10 ekar tanah telah diusahakan untuk tanaman nenas dan 9 ekar untuk tanaman kelapa. Namun begitu tanaman ini tidaklah sepenting tanaman getah. Begitu juga halnya dengan tanaman lain seperti lengkuas, pisang dan keladi. Tanaman ini lebih merupakan tanaman saradiri.

## 2.5 Perbelanjaan, pendapatan dan tabungan.

Umumnya perbelanjaan dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, perbelanjaan untuk pengeluaran (modal) dan perbelanjaan untuk keperluan asas. Boleh dikatakan bagi penduduk di empat buah kampung ini hampir kesemua kos pengeluaran dibantu oleh kerajaan melalui pemberian subsidi. Ini termasuklah subsidi untuk benih, baja dan racun rumput rumpai. Hanya untuk tanaman kelapa sawit dan kelapa sahaja mereka terpaksa mengeluarkan sedikit perbelanjaan selepas ditolak subsidi.

Perbelanjaan dapur[9] untuk sekeluarga biasanya ditanggung oleh ketua rumah dan anak-anak mereka yang sudah bekerja. Perbelanjaan ini bergantung kepada jumlah pendapatan yang diperolehi dan kiriman wang dari luar. Kekurangan atau keputusan wang untuk membeli barang keperluan adalah menjadi lumarh bagi penduduk di kawasan ini.

9. Perbelanjaan untuk membeli barang makanan yang merupakan keperluan asas.

Dalam keadaan ini mereka terpaksa berhutang dan akan menjelaskannya setelah menjual hasil tanaman. Seperti perbelanjaan untuk pengeluaran, perbelanjaan persekolahan anak-anak juga sebahagiannya dibantu oleh kerajaan seperti pinjaman buku, bantuan makanan dan biasiswa. Sementara pakaian sekolah dan peralatan menulis dibeli oleh ibubapa. Anggaran perbelanjaan sekeluarga dapat dilihat dalam jadual 2.5.1

Jadual 2.5.1 : Anggaran perbelanjaan keluarga bagi 50 buah isirumah.

| Jenis perbelanjaan | Jumlah ($) | Bil.isirumah | Peratus |
|---|---|---|---|
| Perbelanjaan keperluan (sebulan) | 0 - 100 | 0 | 0 |
| | 101 - 200 | 17 | 34 |
| | 201 - 300 | 18 | 36 |
| | 301 - 400 | 11 | 22 |
| | 401 ke atas | 4 | 8 |
| | | 50 | 100 |
| Perbelanjaan persekolahan (setahun) | 0 - 100 | 2 | 4 |
| | 101 - 200 | 10 | 20 |
| | 201 - 300 | 3 | 6 |
| | 301 - 400 | 4 | 8 |
| | 401 ke atas | 5 | 10 |
| | | 50 | 100 |

Dari jadual di atas jelas bahawa perbelanjaan sekeluarga untuk keperluan makanan kebanyakan di antara $101 hingga $400 sebulan. Hanya 8% dari 50 buah isirumah sahaja yang berbelanja melebihi $400 sebulan. Manakala jumlah perbelanjaan persekolahan adalah tidak mutlak. Dalam erti kata lain ianya bukanlah perbelanja-

University of Malaya

an untuk seorang anak. Terdapat dalam sebuah keluarga mempunyai dua atau tiga orang anak yang masih bersekolah dan ini sudah tentu menambahkan tanggungan ibubapa.

Pendapatan

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh responden amat berkait rapat dengan jenis pekerjaan. Anggaran jumlah pendapatan untuk sebulan dapat ditunjukkan dalam jadual 2.5.1

Jadual 2.5.1 : Anggaran jumlah pendapatan responden yang bekerja mengikut jenis pekerjaan (%)

| Jenis pekerjaan | Jumlah pendapatan ($) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 0 - 100 | 101 - 200 | 201 - 300 | 301 - 400 |
| Pekebun kecil getah | 15.2 | 32.6 | 10.9 | 0.0 |
| Nelayan | 0.0 | 6.5 | 13.0 | 2.2 |
| Buruh binaan | 0.0 | 0.0 | 4.3 | 2.2 |
| Berniaga | 0.0 | 4.3 | 0.0 | 0.0 |
| Kerja di ladang kelapa sawit | 0.0 | 0.0 | 4.3 | 2.2 |
| Ketua kampung[10] | 0.0 | 2.2 | 0.0 | 0.0 |
| Jumlah | 15.2 | 45.6 | 32.2 | 6.6 |

Dari jadual di atas jelas bahawa daripada 48 orang responden yang bekerja kebanyakan mereka memperolehi pendapatan sebulan di antara $101 hingga $200. Jumlah ini begitu ketara di

10. Pendapatan diperolehi dari elaun sebagai ketua kampung iaitu sebagai pekerjaan utama.

kalangan penoreh getah, malah sebanyak 15.2% mempunyai pendapatan sebulan di bawah $100. Walaupun di kalangan penangkap udang pendapatan yang diperolehi adalah lebih baik namun pendapatan mereka sentiasa berubah mengikut keadaan cuaca dan musim. Mereka tidak menangkap udang pada waktu hujan dan jumlah tangkapan pada bulan Oktober hingga Mei adalah kurang dari bulan-bulan yang lain. Sementara responden yang bekerja sebagai buruh binaan dan bekerja di ladang kelapa sawit memperolehi pendapatan yang lebih terjamin.

Pendapatan yang diperolehi oleh seseorang ketua rumah bukan sahaja bergantung kepada hasil titik peluh mereka tetapi dibantu oleh anak-anak mereka yang telah bekerja. Walau bagaimanapun kiriman wang ini tidaklah begitu banyak jumlahnya. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 2.5.2.

Jadual 2.5.2 : Jumlah kiriman wang yang diterima oleh responden dalam sebulan.

| Jumlah kiriman | Bil.responden | Peratus |
|---|---|---|
| 0 - 50 | 11 | 61.1 |
| 51 - 100 | 3 | 16.7 |
| 101 - 150 | 3 | 16.7 |
| 151 - 200 | 1 | 5.5 |
| Jumlah | 18 | 100.0 |

Jelas dari jadual di atas bahawa kebanyakan responden menerima wang kiriman di bawah $50. Perangkaan ini walau bagaimanapun tidak mengambil kira jumlah harta benda seperti alat-alat pe-

rabut yang dibeli oleh anak-anak responden. Boleh dikatakan tambahan dalam pendapatan ini dapat juga membantu mengurangkan masalah responden dari segi kewangan.

Simpanan dan pinjaman

Biasanya simpanan akan dilakukan apabila pendapatan sebenar meningkat dan mereka akan berhutang sekiranya pendapatan tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan keperluan. Sementara pinjaman wang dari Bank Pertanian adalah semata-mata untuk menampung kos pengeluaran. Ketiga-tiga aspek ini dapat ditunjukkan dalam jadual 2.5.3

Jadual 2.5.3 : Jumlah tabungan dan pinjaman di kalangan responden (%).

| | | Jumlah ($) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 0 - 100 | 101 - 200 | 201 - 300 | 301 - 400 | 400 ke atas |
| Tabuhgan | ASN | 32 | 4 | | | |
| | Tabung haji | | 2 | | | |
| | Simpanan Nasional | | 2 | | | |
| | Bank | | | 2 | | |
| Pinjaman dan hutang | Bank Pertanian | | | 2 | | |
| | Kedai | 12 | 18 | | | 4 |

Dari jadual di atas jelas bahawa peratus responden yang menyimpan wang di institusi kewangan adalah rendah. Cuma pelaburan

University of Malaya

di Amanah Saham Nasional (ASN) sahaja memperlihatkan peratus yang agak tinggi. 32% telah melabur dengan jumlah kurang dari $100 manakala sebanyak 4% melabur di antara $101 - $200. Ini disebabkan galakkan oleh kerajaan di samping menggunakan kenderaan bergerak bagi memudahkan masyarakat luar bandar melabur.

Setakat ini pinjaman wang dari Bank Pertanian untuk membiayai kos pengeluaran hanya dilakukan oleh seorang responden (2%). Berlainan dengan hutang kedai, responden berhutang dengan cara mengambil barang keperluan dari kedai-kedai. Peratus responden yang terlibat dengan hutang ini agak tinggi iaitu sebanyak 12% berhutang dengan jumlah kurang dari $100, 18% berhutang di antara $101 hingga $200, manakala 4% mempunyai hutang di kedai melebihi $400.

Jelasnya pinjaman dilakukan semata-mata untuk memenuhi keperluan asas. Kurangnya bilangan responden yang meminjam wang dari Bank Pertanian disebabkan adanya pemberian subsidi pertanian yang sedikit sebanyak membantu pekebun kecil membiayai kos pengeluaran.

2.6 Keadaan sosial

Dalam latihan ilmiah ini, pengkaji akan membincangkan berhubung dengan golongan dan perhubungan dalam masyarakat kampung, taraf pelajaran dan tingkat kesihatan penduduk.

i. Perhubungan sosial

Di kawasan ini dapat dikenalpasti tiga golongan masyarakat

iaitu golongan atasan yang melibatkan golongan pemimpin kampung yang terdiri dari guru-guru sekolah. Peniaga dan tuan tanah merupakan golongan menengah sementara golongan majoriti merupakan golongan bawahan yang terdiri dari pekebun kecil dan penangkap udang yang berpendapatan rendah. Peratus golongan atasan adalah amat kecil. Hanya 4 orang atau 0.7% sahaja dari keseluruhan penduduk di empat buah kampung termasuk dalam golongan pertama. Manakala 0.8% terlibat dalam golongan menengah. Pembahagian ini sebenarnya tidak mutlak kerana sebagai sebuah masyarakat desa, peranan yang dimainkan oleh penduduk tidak khusus kepada satu-satu bidang. Walaupun terdapat tiga golongan masyarakat ini, perhubungan antara individu-individu dalam masyarakat berjalan dengan baik.

ii. Pendidikan

Kemudahan pelajaran tidak tersisih dalam masyarakat luar bandar. Di kawasan ini, sebuah sekolah kebangsaan telah didirikan oleh kerajaan sejak 20 tahun yang lalu. Sebelum ini terdapat sebuah sekolah di Kampung Sungai Karang (2 batu dari kawasan ini), tetapi ianya telah ditutup kerana kekurangan murid. Pendidikan ugama secara formal diadakan di surau-surau dan di sekolah untuk murid-murid sekolah. Pendidikan tak formal seperti diajar berkelakuan baik dan menghormati di anggap penting oleh ibubapa.

Tingkat pelajaran bagi responden dapat ditunjukkan dalam jadual 2.6.1

Jadual 2.6.1 : Perkaitan antara taraf pendidikan dan tingkat pendapatan responden.

| Peringkat pendidikan | Jumlah pendapatan ($) | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | 0 - 100 | 101 - 200 | 201 - 300 | 301 - 400 | |
| Tak sekolah | 9 | 13 | 7 | 1 | 30(60%) |
| Darjah 6 | 1 | 9 | 6 | 2 | 18(36%) |
| Sekolah Menengah | 0 | 0 | 2 | 0 | 2(4%) |

Dari jadual ini jelas bahawa taraf pendidikan di kalangan 50 orang responden adalah rendah. Cuma 4% daripada mereka sahaja yang berjaya ke peringkat sekolah menengah. Walau bagaimanapun ianya tidak mempengaruhi tingkat pendapatan responden. Ini disebabkan pekerjaan sendiri merupakan ciri utama kegiatan ekonomi di kawasan ini.

Manakala taraf pendidikan bagi anak-anak responden dapat ditunjukkan dalam jadual 2.6.2

Jadual 2.6.2 : Taraf pendidikan di kalangan anak responden.

| Peringkat pendidikan | Bil.anak | Peratus |
|---|---|---|
| Tadika | 7 | 4.9 |
| Sekolah rendah | 39 | 27.7 |
| Sekolah menengah | 17 | 12.1 |
| Sekolah teknik | 1 | 0.7 |
| Universiti | 1 | 0.7 |
| Belum sekolah | 27 | 19.1 |
| Tak sekolah | 49 | 34.8 |
| Jumlah | 141 | 100.0 |

University of Malaya

Dari jadual ini diketahui bahawa peratusan anak responden yang bersekolah menengah adalah kecil berbanding dengan peratus yang bersekolah rendah. Perebutan tempat di peringkat yang lebih tinggi hanya melibatkan segelinter golongan generasi muda iaitu sebanyak 0.7% berjaya ke sekolah teknik dan peratus yang sama berjaya di peringkat universiti. Pencapaian pelajaran di kawasan ini sebenarnya tidak ditentukan oleh kedudukan sesebuah keluarga. Dua orang pelajar yang berjaya ke sekolah teknik dan universiti terdiri dari keluarga pekebun kecil yang berpendapatan rendah.

Peratusan yang lebih besar melibatkan anak-anak responden yang tidak bersekolah. Sebanyak 34.8% dianggap tercicir dalam pelajaran. Masalah ini mengakibatkan masalah pengangguran. Satu hal yang dihadapi oleh mereka adalah dari segi maruah. Mereka sering dijadikan sasaran kemalasan atau kebodohan kerana tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Tetapi sebenarnya taraf pendidikan yang rendah perlu ditinjau dari pelbagai sudut seperti soal kekurangan kemudahan asas, masalah kewangan dan bukan sahaja dinilai dari segi sikap. Masalah-masalah ini sedikit sebanyak mempengaruhi tingkat pelajaran.

iii. Kesihatan

Masalah kesihatan seperti terjadinya wabak penyakit yang teruk tidak lagi dialami oleh penduduk di kampung-kampung ini. Hal ini disebabkan oleh penggunaan perubatan moden yang menggantikan cara perubatan tradisional. Peratus responden yang mendapat

rawatan di hospital dan klinik kerajaan adalah tinggi walaupun masih ada yang menggunakan perubatan tradisional dan ubat yang dari kedai-kedai runcit. Kekerapan dan tempat responden mendapatkan rawatan dapat ditunjukkan dalam jadual 2.6.3

Jadual 2.6.3 : Kekerapan dan tempat mendapat rawatan bagi 50 buah isirumah (%).

| Tempat dan cara rawatan | Kekerapan | | |
|---|---|---|---|
| | Selalu | Kurang | Tak pernah |
| Hospital | 44 | 56 | - |
| Klinik kerajaan | 86 | 14 | - |
| Klinik swasta | 36 | 16 | 48 |
| Dukun | 14 | 30 | 56 |
| Lain-lain[14] | 46 | - | 54 |

Kekerapan responden mendapatkan rawatan di klinik swasta adalah kurang. Hal ini disebabkan masalah kewangan di mana klinik ini mengenakan bayaran kepada pesakit.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas iaitu mengenai keadaan sosio-ekonomi penduduk, jelas bahawa kegiatan pertanian merupakan kegiatan ekonomi yang utama di kawasan ini di samping pekerjaan-pekerjaan

14. Ubat yang dibeli dari kedai runcit untuk penyakit yang kurang merbahaya seperti demam dan sebagainya.

lain. Pendapatan sebulan yang diperolehi oleh pekebun kecil ditetapkan mengikut keluasan tanah yang dimiliki dan diusahakan. Pemilik tanah yang luas memperolehi pendapatan yang lebih. Manakala bagi penangkap udang pendapatan bulanan mereka dipengaruhi oleh keadaan alam sekitar. Dari segi sosial, boleh dikatakan taraf pendidikan penduduk masih rendah. Jelasnya keadaan sosio-ekonomi di kawasan ini belum boleh dikatakan telah membangun.

Bahagian ini akan membincangkan beberapa masalah kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai. Ringkasnya beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk dapat ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3 : Masalah penduduk di kawasan kajian.

| Jenis masalah | Bil.responden | Peratus |
|---|---|---|
| Kurang tanah | 4 | 8 |
| Kurang wang | 30 | 60 |
| Banyak pinjaman/hutang | 21 | 42 |
| Masalah keluarga[11] | 21 | 42 |
| Masalah kampung[12] | 13 | 26 |

3.1 Masalah kewangan.

Persoalan yang bersabit dengan masalah kemiskinan ini lebih tertumpu kepada persoalan kekurangan wang atau modal untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian. Masalah ini merupakan masalah pokok di kawasan ini. Dari jadual 3 jelas bahawa 60% dari 50 orang responden menghadapi masalah kewangan.

11. Masalah ini bersabit dengan masalah tiada pekerjaan, kesihatan pelajaran anak.
12. Masalah kampung menitikberatkan masalah kemudahan asas.

University of Malaya

# BAB 3

# MASALAH KEMISKINAN

## Pendahuluan

Bahagian ini akan membincangkan beberapa masalah kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai. Ringkasnya beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk dapat ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3 : Masalah penduduk di kawasan kajian.

| Jenis masalah | Bil.responden | Peratus |
|---|---|---|
| Kurang tanah | 4 | 8 |
| Kurang wang | 30 | 60 |
| Banyak pinjaman/hutang | 21 | 42 |
| Masalah keluarga[11] | 21 | 42 |
| Masalah kampung[12] | 13 | 26 |

## 3.1 Masalah kewangan.

Persoalan yang bersabit dengan masalah kemiskinan ini lebih tertumpu kepada persoalan kekurangan wang atau modal untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian. Masalah ini merupakan masalah pokok di kawasan ini. Dari jadual 3 jelas bahawa 60% dari 50 orang responden menghadapi masalah kewangan.

11. Masalah ini bersabit dengan masalah tiada pekerjaan, kesihatan pelajaran anak.
12. Masalah kampung menitikberatkan masalah kemudahan asas.

Mengapa masalah kewangan merupakan masalah utama di kalangan penduduk kampung khasnya di kawasan kajian? Persoalan ini dapat dijawab dengan melihat beberapa faktor. Pertama dapat dikatakan bahawa kebanyakan penduduk di kawasan ini merupakan pekebun kecil getah yang mengerjakan sebidang tanah yang tidak ekonomik[13] dan tidak kurang juga yang bekerja menangkap udang. Dari jadual 2.3.1 didapati seramai 27 orang responden merupakan pekebun kecil getah sementara 10 orang responden merupakan penangkap udang yang berpendapatan rendah. Dari jadual 2.5.1 pula boleh dikatakan kedua-dua golongan ini memperolehi pendapatan purata sebanyak $200 sebulan. Jika digabungkan perbelanjaan sekeluarga dan pendapatan yang diperolehi untuk sebulan jelaslah perbelanjaan melebihi pendapatan.

Masalah kekurangan wang ini bukan sahaja mempengaruhi daya pengeluaran tetapi juga membebankan penduduk dengan masalah hutang atau pinjaman. Ini jelas ditunjukkan dalam jadual 3 di mana masalah hutang merupakan masalah kedua banyaknya dihadapi oleh penduduk. Ini mempengaruhi kadar tabungan atau simpanan yang merupakan perkara penting untuk menambahkan pelaburan dan membeli peralatan pertanian.

3.2 Masalah tanah.

Faktor kedua yang turut mengurangkan pendapatan bulanan

13. Tanah yang dikira ekonomik adalah seluas 6 ekar iaitu tanah yang boleh dikerjakan dengan menggunakan jentera.

penduduk adalah disebabkan kekurangan tanah. Seperti yang diketahui tanah merupakan faktor terpenting bagi masyarakat desa yang menjalankan pekerjaan pertanian. Dari jadual 2.4.1 diketahui bahawa purata keluasan tanah yang dimiliki oleh responden hanyalah dalam lingkungan 1 hingga 5 ekar sahaja. Memandangkan kepada keadaan ini tidak hairan mengapa daya pengeluaran pertanian di kawasan ini masih di tahap yang rendah.

Kekurangan dan ketiadaan tanah ini disebabkan oleh beberapa perkara yang bukan sahaja dikaitkan dengan masalah kekurangan wang tetapi juga masalah sosial. Hampir semua penduduk di kawasan ini masih mengamalkan sistem pembahagian harta pusaka mengikut Hukum Faraid. Sebenarnya apa yang diertikan Hukum Faraid ialah membahagi-bahagikan kekayaan yang diperolehi dan bukannya membahagikan tanah satu persatu. Oleh itu tanah yang luas telah terpecah-pecah kepada bahagian yang kecil.

Pertukaran hak milik dengan cara menjual tanah kepada orang lain juga mengakibatkan pembahagian tanah kepada bahagian yang kecil. Penjualan tanah ini disebabkan oleh masalah yang telah sedia ada iaitu masalah kewangan untuk keperluan keluarga dan pendidikan anak-anak. Sebenarnya menjual tanah dengan harga di antara $1000 hingga $2000 seekar hanyalah merupakan penyelesaian sementara kepada masalah kewangan. Mereka akan terus terjerumus dalam arus kemiskinan di mana tanah 'sekangkang kera' yang masih tinggal dikerjakan beramai-ramai.

Kesuburan tanah turut mempengaruhi daya pengeluaran pertanian. Tanah gambut yang terdapat di kawasan ini lebih sesuai untuk tanaman kelapa sawit dan nenas sebagai tanaman jualan. Walaupun disedari kesesuaian tanaman ini di atas tanah gambut dan menyedari kelebihannya dalam memperolehi hasil yang lebih baik namun penukaran dari tanaman getah ke tanaman kelapa sawit adalah terlalu sedikit. Dari jadual 2.4.2 didapati hanya 3 orang responden yang memulakan penanaman kelapa sawit dan seramai 5 orang lagi mengusahakan tanaman nenas. Alasan beberapa orang responden mengenai perkara ini ialah ketidak mampuan mereka menanggung kos pengeluaran yang begitu tinggi walaupun bantuan subsidi diberikan. Namun begitu tidak kurang juga di antara responden yang tidak begitu yakin bahawa mereka akan memperolehi hasil dengan cepat dari penukaran tanaman tersebut. Justeru itu mereka masih menghargai pokok-pokok getah tua sebagai mata pencarian mereka.

3.3 <u>Faktor musim</u>

Dalam memperkatakan tentang kegiatan ekonomi yang berasaskan pertanian ini, ianya tidak terlepas dari faktor musim yang mempengaruhi tingkat pengeluaran. Walaupun faktor ini tidak sepenting seperti kaum nelayan di pantai timur Semenanjung Malaysia namun ianya sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan penduduk pada masa-masa tertentu. Pada musim hujan pekebun kecil getah tidak dapat menoreh manakala bagi mereka yang menangkap udang musim hujan bukan sahaja menimbulkan masalah tetapi hasil tangkapan juga ber-

University of Malaya

ubah-ubah mengikut masa-masa tertentu. Pada pertengahan tahun mereka akan memperolehi pendapatan yang lumayan dan sebaliknya pada bulan Oktober hingga Mei jumlah pendapatan mereka berkurangan. Kekurangan wang yang berlaku pada musim-musim ini menyebabkan mereka mengurangkan perbelanjaan keluarga atau terpaksa berhutang.

3.4 Penggunaan alat tradisional

Penggunaan alat-alat tradisional masih diamalkan ketika menjalankan kegiatan pertanian. Hal ini begitu ketara di kalangan penangkap udang. Mereka masih menggunakan tangguk dan sampan untuk menangkap udang. Menggunakan enjin pada sampan dan jala merupakan cara yang memungkinkan hasil diperolehi bertambah. Walaupun Jabatan Perikanan ada menyediakan subsidi tetapi pemberian itu bergantung kepada syarat-syarat tertentu. Setiap pemohon mestilah memiliki sampan dan lesen nelayan. Apa yang berlaku sebaliknya ialah hak milik sampan terletak di tangan orang tengah yang meminjamkan sampan kepada sesiapa sahaja dengan syarat hasil tangkapan mestilah dijual kepada mereka. Secara tidak langsung penangkap udang diperas dengan kekuasaan yang ada pada peraih.

3.5 Kemudahan asas.

Aspek ini merupakan perkara penting dalam menentukan samaada sesebuah kawasan itu masih mundur atau sebaliknya. Pembangunan sosial di kawasan ini belum dilaksanakan sepenuhnya. Bekalan air paip dan api letrik masih belum dinikmati oleh penduduk.

Kedudukan kawasan ini sejauh 3 batu dari jalan raya berturap dan terpisah oleh sebuah ladang kelapa sawit seluas kurang lebih 100 ekar menjadi sebab mengapa kawasan ini lambat diberi perhatian. Di samping itu kemelesetan ekonomi memperlahankan usaha-usaha pembangunan. Untuk memudahkan perhubungan dan pengangkutan hasil pertanian, jalan tanah merah telah dibina. Walau bagaimanapun masalah perhubungan tetap timbul pada musim hujan. Berlaku berbagai kerosakan di permukaan jalan sehingga menghalang kenderaan berat memasuki kawasan ini untuk memungut hasil tanaman.

Kedudukan kawasan ini yang agak terpencil dan kekurangan kemudahan asas membawa dua implikasi. Dari segi ekonomi, pemasaran hasil-hasil pertanian seperti kelapa, pisang, lengkuas dan hasil sungai dilakukan oleh orang tengah. Cuma hasil getah, kelapa sawit dan nenas sahaja dibeli oleh pihak RISDA dan Perusahaan Nenas Tanah Melayu. Membawa hasil pertanian dengan perbelanjaan dan pengangkutan sendiri sukar dilakukan memandangkan responden tidak memiliki kenderaan yang sesuai. Oleh itu mereka terus bergantung kepada orang tengah yang mana perhubungan 'patron-client' memang sudah lama wujud. Mereka lebih suka menjual kepada peraih dengan alasan lebih mudah, mendapat wang hasil jualan dengan cepat dan dapat berhutang sekiranya menghadapi masalah. Walau bagaimanapun mereka kadang-kala terpaksa menanggung beberapa masalah lain. Di antaranya udang-udang yang telah mati dibeli dengan harga yang lebih murah dari udang hidup. Oleh itu sekiranya peraih tidak mengambil udang dalam masa dua tiga hari pendapatan penangkap udang

akan terjejas.

Dari segi sosial, kesan yang ketara disebabkan kekurangan kemudahan asas ini ialah masalah penghijrahan. Jika diperhatikan dari jadual 2.2.2, peratus penduduk yang berumur di antara 21 - 50 tahun adalah kecil. Ini membuktikan bahawa penghijrah adalah terdiri dari pemuda pemudi dan di kalangan mereka yang baru berumah tangga. Mereka sering disogok dengan pandangan bahawa di bandar terjamin segala kemudahan dan pekerjaan. Masalah ini berlaku dengan lebih pesat apabila kerajaan menggalakkan penduduk ke Rancangan FELDA. Penghijrahan turut meninggalkan kesan terhadap bilangan murid sekolah yang semakin lama makin berkurangan. Di Sekolah Kebangsaan Kampung Belokok, murid-murid darjah satu, dua dan tiga terpaksa digabungkan dalam sebuah kelas kerana masalah kekurangan murid. Ketiadaan bekalan air paip dan api letrik di sekolah membentuk suasana pembelajaran yang kurang selesa. Ini sedikit sebanyak menjejaskan mutu pelajaran murid-murid.

3.6 Kenaikan harga barang.

Perubahan dalam angka tunjuk harga pengguna tidak dapat dielakkan kerana ianya bergantung kepada perubahan harga yang berlaku di negara-negara lain. Mengikut buku Kajian Separuh Penggal RME, harga barang-barang pengguna telah meningkat sebanyak 6.4% antara tahun 1981-83. Walaupun pada dasarnya angka tunjuk harga pengguna bertambah dengan perlahan tetapi perubahan yang sedikit

meninggalkan kesan yang begitu ketara terhadap pendapatan sebenar penduduk. Sebaliknya pula kejatuhan harga getah menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Mengikut Lapuran Ekonomi 1984/85 harga getah jenis RSS 1 sebanyak 233.49 sen sekilogram dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1984 telah mencatatkan kurangan sebanyak 3.7% berbanding dengan harganya semasa lapan bulan pertama tahun 1985. (1984 : 116). Jelasnya faktor luaran ini turut mempengaruhi tingkat pendapatan.

Kesimpulan

Pendek kata masalah kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk bukanlah disebabkan kemalasan seseorang. Sebaliknya kebanyakan masalah merupakan kesan dari pelbagai keadaan. Misalnya tingkat pendapatan ditentukan oleh turun naik harga tanaman, faktor musim, jenis dan keluasan tanah yang dimiliki. Begitu juga halnya dari segi sosial, masalah penghijrahan dan kekurangan murid sekolah disebabkan kekurangan kemudahan sosial.

# BAB 4

# PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## 4.1 Projek Johor Barat

Seperti yang telah dinyatakan di dalam bab sebelum ini, pembangunan di keempat-empat buah kampung yang dikaji masih belum dilaksanakan sepenuhnya atau apa yang boleh disifatkan sebagai 'pembangunan lewat' kerana masalah-masalah yang tertentu. Projek Johor Barat merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Ianya juga dikenali sebagai 'Projek Bersepadu' yang melibatkan semua jabatan dan agensi kerajaan. Ini termasuklah Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair (JPT), Lembaga Letrik Negara (LLN), RISDA, FELCRA dan sebagainya.

Di antara matlamat utama projek ini ialah:-

i. Meninggikan pengeluaran hasil kelapa sawit.

ii. Meninggikan pengeluaran ternakan petani.

iii. Menggalakkan petani menyertai rancangan tanaman semula nenas.

Semua matlamat ini adalah ditentukan atas dasar pertimbangan masa kini iaitu:-

i. Kebanyakan petani kurang faham tentang cara menanam kelapa sawit di tanah gambut serta cantasan pelepah dan pengawalan rumpai.

ii. Penglibatan pekebun nenas semakin merosot.

iii. Kekurangan pengetahuan petani dalam pengawalan penyakit dan ternakan ayam.

iv. Kurang pengetahuan petani dalam pengawalan penyakit dan tanam semula getah.

Projek Johor Barat ini dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah meliputi kawasan yang melebihi 140,000 hektar dari Kukup di Daerah Pontian hingga ke Parit Botak di Daerah Batu Pahat yang telah menelan belanja sebanyak $300 juta. Manakala pada peringkat kedua yang dirancangkan akan bermula pada tahun 1986, meliputi kawasan lebih 200,000 hektar dari Parit Botak di Batu Pahat hingga ke Parit Jawa di Daerah Muar. Maka tumpuan perbincangan dalam latihan ilmiah ini ialah untuk meninjau projek yang telah dijalankan pada peringkat pertama yang melibatkan kawasan kajian.

4.2 Kemudahan asas

Dalam tempoh 1975-85, program-program yang terlibat dalam Projek Johor Barat meliputi usaha-usaha menyediakan input-input dan kemudahan asas yang lebih baik di kawasan pertanian yang sedia ada. Dalam konteks di empat buah kampung yang dikaji, jalan tanah merah bagi kemudahan pengangkutan dan perhubungan telah dibina. Walaubagaimanapun pembinaan jalan tanah merah lapisan kedua masih diteruskan dan hampir dilaksanakan sepenuhnya.

Jalan tanah merah ini boleh menghubungi dua buah pekan yang berhampiran iaitu Pekan Teluk Kerang yang jaraknya kurang lebih 3 batu dan Pekan Nenas dengan jarak sejauh 12 batu dari kawasan kajian. Pembinaan jalan tanah merah ini telah dikendalikan oleh empat buah kontraktor yang membelanjakan 3.8 juta untuk pembinaan dari Pekan Nenas ke Kukup melalui Kampung Belokok. Jangkaan awal projek pembinaan jalan tanah merah ini boleh disiapkan dalam masa lima tahun. Tetapi masalah kewangan dan kemelesetan ekonomi ketika itu memperlahankan projek tersebut. Di samping itu terdapat masalah-masalah lain seperti kesukaran untuk mendapatkan batu merah dari kawasan yang berhampiran dan kawasan tanah gambut pula menyukarkan pengangkutan berat melaluinya.

Dengan terlaksananya pembinaan jalan tanah merah ini, penduduk di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai tidak lagi mengalami kesulitan untuk keluar ke pekan atau bandar untuk menjalankan segala urusan. Ianya juga dapat mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan kawasan bandar dan dapat menyalurkan segala kemudahan seperti teknologi untuk pertanian, menyediakan pemasaran yang lebih baik, kemudahan pendidikan dan sebagainya.

Kemudahan bekalan elektrik dan bekalan air paip walaupun sudah ada dalam perancangan Projek Johor Barat ini tetapi ianya masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Kedudukan kawasan ini yang agak terpencil memerlukan belanja yang banyak

untuk melaksanakan kemudahan ini. Sementara menantikan pelaksanaan sepenuhnya bekalan elektrik dan bekalan air paip, penduduk-penduduk di kawasan ini terpaksa menggunakan pelita minyak tanah, lampu tekanan gas (lampu pam) dan generator di sebelah malam. Manakala air perigi dan tadahan air hujan digunakan untuk keperluan harian seperti membasuh, memasak, malah sebagai air minuman. Kesulitan akan timbul pada musim kemarau di mana hampir kesemua ketua rumah terpaksa keluar ke pekan yang berdekatan untuk mendapatkan air paip. Jelas sekali diketahui, sekiranya kemudahan asas ini tidak dilaksanakan, kesukaran dan masalah penduduk semakin bertambah.

## 4.3 Strategi membasmi kemiskinan

Sebagai sebuah masyarakat yang kebanyakannya menyara hidup dengan aktiviti pertanian dan menangkap udang maka strategi pembangunan yang ditekankan juga lebih banyak tertumpu kepada cara memperbaiki tingkat daya pengeluaran aktiviti-aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun pembangunan dalam bidang sosial tidak dilupakan. Kebanyakan projek yang berkaitan untuk menambahkan hasil pengeluaran pertanian ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Pertanian, Bank Pertanian, RISDA, Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu dan Jabatan Perikanan. Di antara program-program yang telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan RISDA termasuklah:

a. Pemberian subsidi

Pemberian subsidi pertanian bertujuan membantu pekebun kecil dari segi modal untuk memulakan tanaman kelapa sawit, kelapa dan tanaman jangka pendek. Jumlah atau banyaknya pemberian subsidi tersebut bergantung kepada jenis tanaman yang diusahakan dan jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh pemohon. Bantuan yang diberikan secara berperingkat-peringkat ini bukan sahaja di dalam bentuk wang tetapi juga dalam bentuk biji benih, baja, racun rumput rumpai dan bahan kimia penggalak tumbuhan.

Bagi tanaman kelapa sawit, subsidi yang diberikan adalah tidak mencukupi untuk seorang pemohon lantaran kos pengeluaran yang begitu tinggi. Di sini Bank Pertanian pula berfungsi memberi pinjaman kepada pemohon-pemohon dengan kadar bunga yang rendah. Subsidi untuk tanaman jangka pendek pula hanya diberikan dalam bentuk wang. Jenis tanaman jangka pendek dan jumlah subsidi yang diberikan untuk se ekar dapat ditunjukkan dalam jadual 4.3 .

Jadual 4.3 : Jenis tanaman dan jumlah subsidi untuk seekar.

| Jenis tanaman | Jumlah subsidi |
|---|---|
| Kopi | $ 450.00 |
| Koko | $ 450.00 |
| Halia | $ 750.00 |
| Pisang | $ 200.00 |
| Keladi Cina | $ 400.00 |

Sumber: Jabatan Pertanian Pontian, Johor.

v. Subsidi untuk penangkap-penangkap udang di kawasan ini diberikan dalam bentuk barang-barang seperti jaring, enjin sangkut dan bekas penyimpan ikan dari plastik. Walau bagaimanapun bantuan ini hanya diberikan kepada mereka yang mempunyai lesen nelayan sahaja. Ini bermakna mereka yang tidak mempunyai sampan sendiri tidak boleh memohon dan memiliki lesen.

b. <u>Bantuan tanam semula.</u>

Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu telah mengeluarkan bantuan tanam semula nenas sebanyak $ 1,400 seekar bagi enam ekar pertama kepada pekebun-pekebun kecil nenas. Setakat ini, dari 50 orang responden, hanya 3 orang sahaja yang mengusahakan tanaman nenas dan mereka telah menerima faedah dari bantuan ini.

Bantuan yang berupa wang dan barang-barang ini diberikan secara berperingkat-peringkat. Ringkasnya ia dapat ditunjukkan seperti berikut;

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Wang tunai, racun lalang dan rumpai | = | $ 275.00 |
| ii. | Benih, racun serangga dan wang tunai | = | $ 340.00 |
| iii. | Racun serangga dan wang tunai | = | $ 123.00 |
| iv. | 3 bulan<br>Baja 4 kampit (50 kilo)<br>dan wang tunai.<br><br>6 bulan<br>Baja 4 kampit (50 kilo)<br>dan wang tunai<br><br>9 bulan<br>Baja 4 kampit (50 kilo)<br>dan wang tunai | = | $ 535.00 |

v. Kimia penggalak bunga dan wang tunai = $ 125.00

Jumlah $1,400.00

Sumber: Komplex Penghulu (bahagian pertanian)
Mukim Sungai Karang, Pontian.

Bantuan tanam semula nenas ini diberikan dengan tujuan untuk menggalakkan pekebun menanam nenas yang sejak akhir-akhir ini semakin merosot. Walaupun ada di antara mereka yang menanam nenas tetapi mereka masih belum mengetahui cara yang baik untuk mengawal dan menjaga pokok nenas. Galakan untuk menanam nenas juga dilakukan sebagai usaha menjadikan kawasan ini sebagai zon tanaman nenas di samping tanaman kelapa sawit dan kelapa memandangkan jenis tanah gambut adalah begitu sesuai untuk tanaman-tanaman tersebut.

Bantuan tanam semula getah pula telah dikeluarkan oleh pihak RISDA sejak tahun 1957 lagi. Bantuan yang berupa benih getah dan racun rumput rumpai diberikan. Walau bagaimanapun sekarang ini, bantuan tanam semula getah tidak lagi mendapat sambutan hangat dari penduduk di kawasan ini. Kebanyakan penduduk masih menoreh di atas pokok getah tua dan ada yang menggantikan terus dengan tanaman nenas, kelapa dan kelapa sawit.

c. Penyelidikan

Untuk meninggikan lagi daya pengeluaran pertanian, pihak MARDI di stesen penyelidikan (IPRS) telah membuat berbagai-bagai penyelidikan terhadap benih-benih tanaman. Misalnya di

kawasan ini pekebun telah diperkenalkan dengan nenas baka baru seperti nenas 'Mas Merah' dan baru-baru ini 'Nenas Johor'. Mereka tidak lagi bergantung kepada nenas moris yang kurang baik mutunya. Benih kelapa jenis MAWA juga telah diperkenalkan dan setakat ini hanya seorang responden telah mengusahakan tanaman tersebut. Di samping itu kawalan terhadap penyakit-penyakit tumbuhan dan perosak tanaman juga dilakukan. Penyelidikan dibuat dengan mengadakan lawatan ke kebun-kebun untuk mengenal pasti jenis penyakit yang terdapat.

d. Sistem 2L

Setelah menyedari bahawa pekebun kecil kurang berpengetahuan dengan cara-cara pertanian moden, sistem 2L telah diperkenalkan. Sistem yang membawa maksud lawatan dan latihan merupakan satu strategi penting untuk meninggikan daya pengeluaran pertanian. Tumpuan utama sistem ini adalah untuk memberi latihan dan tunjuk ajar tentang kaedah pertanian seperti menyemai benih, memetik dan meracun dengan cara yang betul serta memperkenalkan teknologi moden. Seorang juruteknik pertanian dan pembantu luar pertanian yang di tempatkan di Mukim Sungai Karang telah diberi tugas menjayakan program ini. Terlibat dalam tugas-tugas mereka ialah membuat perancangan lawatan ke kebun-kebun dan memberi taklimat serta mendengar segala masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil.

e. Parit dan taliair.

University of Malaya

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Tanah gambut yang terdapat di kawasan ini sebenarnya mempunyai saliran yang kurang baik. Tanah yang agak gembur ini sering dihanyutkan oleh air hujan dan kadang kala berlaku banjir mengejut serta merosakkan tanaman. Untuk mengatasi masalah ini Jabatan Parit dan Taliair (JPT) telah memperbaiki saliran di samping membuat taliair untuk mengembalikan kesuburan tanah. Dalam hal ini kerajaan telah memberi pampasan kepada pemilik tanah yang melibatkan tanah mereka dalam menjayakan rancangan tersebut.

f. Pemasaran

Pemasaran hasil kelapa sawit dan getah telah diambil oleh pihak RISDA. Sementara Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu membeli nenas dari pekebun-pekebun kecil nenas. Usaha-usaha ini telah dimulakan sejak terbinanya jalan tanah merah bagi kemudahan pengangkutan. Dengan pengendalian pemasaran yang diusahakan oleh agensi ini hasil tanaman dapat diangkut keluar dengan cepat. Namun begitu hasil-hasil sungai (udang), kelapa dan tanaman lain, pemasaran masih dijalankan oleh orang tengah.

## 4.4 Pembangunan sosial

Untuk mengatasi masalah kemiskinan, pembangunan bukan sahaja tertumpu kepada aspek ekonomi tetapi juga aspek sosial. Selain dari kemudahan jalan raya seperti yang telah dihuraikan, kemudahan pelajaran, kesihatan dan perumahan turut diadakan.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

a. Kemudahan pelajaran

Bagi tujuan meningkatkan taraf pelajaran, sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah didirikan di kawasan ini sejak 20 tahun yang lalu. Manakala sebuah Sekolah Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) yang dianjurkan oleh KEMAS telah menarik seramai 32 orang kanak-kanak untuk mendapatkan pelajaran asas sebelum memulakan persekolahan.

Bagi orang dewasa, pelajaran ugama telah dikendalikan oleh seorang imam. Seramai 150 penduduk dari empat buah kampung telah mengikuti kelas ugama yang diadakan di surau setiap hari Sabtu dan Ahad. Boleh dikatakan walaupun kemunduran berlaku dan pembangunan yang lembap dialami oleh mereka, kegiatan bercorak keagamaan tidak diabaikan terutamanya di kalangan golongan tua.

b. Kemudahan kesihatan

Sebuah klinik bidan telah dibina di kawasan ini bagi memudahkan kaum ibu mendapat rawatan. Namun begitu rawatan bagi jenis penyakit yang lain, sebuah klinik disediakan di Pekan Penerok iaitu sejauh 6 batu dari kawasan ini. Walau bagaimanapun ini tidak menghalang penduduk mendapatkan rawatan. Penggunaan perkhidmatan secara moden di kalangan responden telah bertambah. Ini terbukti apabila amalan berubat secara tradisi sudah berkurangan seperti yang telah dibincangkan dalam bab 2.

University of Malaya

c. Bantuan perumahan.

Bantuan perumahan sebanyak $1,000 telah dikeluarkan sejak tahun 1984. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memilih di kalangan penduduk yang layak diberi bantuan berdasarkan keadaan rumah yang dimiliki dan jumlah pendapatan yang diperolehi. Walau bagaimanapun penduduk yang tidak memiliki tapak rumah tidak berhak mendapat bantuan. Urusan membeli papan dan kayu dikendalikan oleh Penghulu Mukim Sungai Karang. Kos pengangkutan ditolak dari jumlah $1,000 tersebut. Ini bermakna harga papan dan kayu tidak sampai $1,000.

Kesimpulan.

Dari perbincangan mengenai rancangan pembangunan luar bandar yang dilaksanakan jelas bahawa matlamat utamanya adalah untuk mengatasi masalah kemiskinan. Beberapa rancangan pembangunan baik dari segi ekonomi mahupun sosial telah dilaksanakan. Penyaluran teknologi dan modal sedikit sebanyak mengurangkan beban pekebun kecil untuk menambahkan daya pengeluaran pertanian. Walaupun penempatan penduduk di kawasan ini menjangkau usia yang lama, namun kemudahan sosial seperti bekalan air paip dan api letrik masih belum dinikmati sepenuhnya. Oleh itu kesimpulannya pembangunan di kawasan ini lebih menitik beratkan soal-soal ekonomi.

# BAB 5
# SAMBUTAN DAN KESAN PEMBANGUNAN

## 5.1 Kesan ke atas keadaan ekonomi

Dalam membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi kita tidak dapat lari dari mengambil kira jumlah pendapatan penduduk. Samada pendapatan seseorang itu meningkat atau tidak adalah bergantung kepada setinggi mana daya pengeluaran mereka. Pertama-tamanya yang dapat dinyatakan di sini, kebanyakan ketua rumah di empat buah kampung yang dikaji ini menjalankan aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian. Maka segala program-program kerajaan turut tertumpu kepada cara untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian dan seterusnya dapat menambahkan pendapatan penduduk.

Salah satu program yang bertujuan untuk menampung kos pengeluaran ialah bantuan subsidi dan pinjaman wang dari Bank Pertanian. Pemberian subsidi ini diberikan dalam berbagai bentuk termasuklah pemberian subsidi baja dengan harga yang lebih murah, subsidi benih dan racun serangga dengan percuma dan juga bantuan berbentuk wang tunai. Tetapi soalnya, sejauh manakah segala pemberian ini dapat meninggikan daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil dan apakah kesan yang timbul akibat dari pemberian subsidi ini? Ini dapat dilihat dari beberapa keadaan. Pertama harus dilihat dari segi jumlah atau bilangan penduduk yang menerima subsidi dan

dan

University of Malaya

pinjaman kewangan. Jadual 5.1.1 akan menunjukkan jumlah keluasan tanah yang diusahakan oleh responden untuk tiga jenis tanaman.

Jadual 5.1.1 : Perkaitan antara jenis tanaman dan keluasan tanah yang diusahakan oleh responden.

| Jenis tanaman | Bil.responden | Jumlah tanah sendiri (ekar) |
|---|---|---|
| Kelapa sawit | 2 (4%) | 8 - 10 |
| Nenas | 3 (6%) | 2 - 4 |
| Getah | 22 (44%) | 2 - 4 |

Dari jadual di atas jelas bahawa hanya 5 orang, iaitu 2 orang penanam kelapa sawit dan 3 orang pekebun nenas telah diberi peluang memohon pinjaman kewangan dan subsidi. Manakala 22 orang responden tidak mendapat bantuan subsidi kerana kebanyakan mereka tidak lagi menanam semula getah. Pinjaman dari Bank Pertanian setakat ini hanya dilakukan oleh penanam kelapa sawit kerana mereka memerlukan modal yang banyak. Maka dapat dikatakan bahawa walaupun bantuan subsidi dan pinjaman kewangan telah dikeluarkan tetapi jumlah penduduk yang menikmati faedah darinya adalah sedikit.

Maka timbul persoalan mengapa penduduk-penduduk di kawasan ini tidak menukarkan tanaman getah ke tanaman kelapa sawit, nenas atau menanam semula getah? Ada beberapa sebab mengapa keadaan ini berlaku.

University of Malaya

i. Mereka kekurangan modal untuk memulakan tanaman kelapa sawit. Walaupun pemberian subsidi dikeluarkan oleh pihak RISDA namun bantuan ini tidak mencukupi untuk membeli benih, baja dan racun rumput yang memerlukan belanja yang banyak.

ii. Keluasan tanah yang dimiliki oleh pekebun kecil getah ini tidak ekonomik untuk menanam kelapa sawit. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 5.1.1.

iii. Penjagaan pokok nenas dan kelapa sawit adalah amat sukar.

iv. Harga buah nenas yang dibeli oleh Perusahaan Nenas Tanah Melayu adalah murah iaitu hanya 8 sen sebiji.

Bagi mereka yang mempunyai keluasan tanah yang melebihi 6 ekar adalah sesuai untuk memulakan tanaman kelapa sawit sebagai tanaman jualan. Maka pemberian subsidi adalah menguntungkan mereka. Walau bagaimanapun ada di kalangan penduduk yang bersungut dengan aturcara pinjaman wang dari Bank Pertanian yang menyulitkan mereka. Rata-rata penduduk di empat buah kampung ini adalah buta huruf dan walaupun tahu membaca tetapi tidaklah begitu faham dengan aturcara yang terkandung di dalam surat permohonan. Di samping itu masalah wang cagaran yang terlalu tinggi membebankan dan mereka takut tidak dapat membayar wang pinjaman itu.

Satu lagi persoalan yang timbul, adakah bantuan kewangan dan pemberian subsidi itu benar-benar memberikan keuntungan kepada

University of Malaya

golongan yang miskin? Dari apa yang diketahui, pemberian subsidi ini telah diberikan kepada penanam kelapa sawit yang mempunyai tanah yang luas. Sebaliknya pekebun-pekebun kecil getah dan penangkap-penangkap udang yang kekurangan tanah dan tidak mempunyai tanah langsung, tidak mendapat apa-apa faedah dari pemberian subsidi ini. Jelasnya faedah ini dikaut oleh masyarakat dari golongan pertengahan dan atasan dalam struktur masyarakat di kampung-kampung yang dikaji. Manakala bagi golongan bawahan pula, mereka akan terus menjadi miskin tanpa menerima sebarang bantuan.

Satu keadaan lain yang menjelaskan perkaitan ini ialah pemberian subsidi kepada nelayan atau penangkap udang. Syarat-syarat pemohon yang ingin mendapatkan bantuan mestilah mempunyai sampan sendiri untuk mendapatkan lesen nelayan. Jelasnya ini dapat ditunjukkan dalam jadual 5.1.2, iaitu perkaitan antara cara pemilikan dan peralatan yang digunakan untuk menangkap udang.

Jadual 5.1.2 : Cara pemilikan peralatan menangkap udang bagi 10 orang responden.

| Jenis peralatan | Cara pemilikan | | | |
|---|---|---|---|---|
| | subsidi | beli | buat sendiri | kepunyaan taukey |
| Tangguk | | 7 | 3 | |
| Jala | 1 | 2 | | |
| Sampan | 1 | 5 | | 4 |
| Enjin | 2 | 3 | | |
| Jumlah | 4 | 17 | 3 | 4 |

Dari jadual 5.1.2 dapat diketahui bahawa daripada 10 orang responden yang bekerja menangkap udang hanya 4 orang sahaja setakat ini yang telah diberi bantuan yang berbentuk jala, sampan dan enjin sangkut. Manakala yang lainnya tidak menerima bantuan kerana tidak memiliki lesen nelayan.

Bantuan perumahan juga menunjukkan keadaan yang serupa. Bantuan sejumlah $1000.00 dalam bentuk papan dan kayu telah diberikan kepada penduduk yang mempunyai rumah yang buruk atau kurang lengkap. Ini bermakna bagi mereka yang tidak mempunyai rumah asas atau tidak mempunyai rumah langsung sebelum ini tidak layak menerima bantuan tersebut. Sekali lagi ini menunjukkan bantuan kewangan dan subsidi hanya dapat memberikan keuntungan kepada mereka yang lebih berada.

Daripada perbincangan ini jelaslah bahawa pendapatan penduduk dari golongan yang berada dapat ditingkatkan manakala pendapatan bagi golongan yang miskin tidak berubah atau berubah-ubah mengikut keadaan tertentu. Misalnya bagi pekebun kecil getah, perubahan pendapatan mereka adalah bergantung kepada harga getah yang sentiasa turun naik. Perubahan harga getah di pasaran ini adalah disebabkan permintaan dan penawaran getah dengan menunjukkan kelok yang tidak anjal. Perubahan harga getah ini walaupun tidak begitu ketara, tetapi ianya cukup memberi kesan terhadap pendapatan sebenar pekebun-pekebun kecil getah. Kenaikan harga barang-barang keperluan turut mempengaruhi pendapatan sebenar mereka.

Kekurangan dalam pendapatan sebenar ini dapat diketahui dengan jelas bila diteliti dari jumlah hutang penduduk seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.8.3. Kebanyakan di antara mereka, iaitu seramai 17 orang, terpaksa berhutang dari kedai-kedai untuk mendapatkan barang-barang keperluan dan ini tidak termasuk pinjaman wang daripada jiran tertangga atau saudara mara. Dengan adanya masalah hutang yang membelenggu masyarakat desa bermakna mereka tidak mempunyai tabungan dan simpanan yang cukup untuk dijadikan modal pengeluaran, dan mereka terus terhimpit dalam arus kemiskinan.

## 5.2 Sambutan terhadap sistem 2L

Memang menjadi matlamat utama Projek Johor Barat, iaitu untuk meninggikan daya pengeluaran pertanian penduduk kampung. Salah satu cara seperti yang telah dibincangkan ialah dengan mengadakan sistem 2L (latihan dan lawatan). Termasuk dalam rancangan ini ialah dengan memperkenalkan teknologi atau peralatan moden untuk mempercepatkan pengusahaan tanah. Teknologi ini diperkenalkan kepada pekebun dengan menggunakan konsep 'penyebaran innovasi' yang menandaikan bahawa masyarakat tani miskin tidak mempunyai sikap pembaharuan, selalu bergantung kepada takdir, kurang tegas dan lain-lain sifat yang berlawanan dengan ciri-ciri 'kemodenan'.

Walaupun ada usaha-usaha ke arah penyerapan teknologi di kalangan pekebun kecil tetapi penggunaannya oleh pekebun tidak berlaku pada tahap yang dikehendaki. Ada dua sebab mengapa keadaan ini berlaku:

i. Kebanyakan pekebun kecil merasakan teknologi baru tidak begitu sesuai digunakan pada kebun mereka kerana keluasan tanah yang terhad.

ii. Kebanyakan di antara mereka tidak mampu menampung kos untuk membeli alat-alat tersebut.

Maka dapat dikatakan di sini bahawa bukanlah kerana sikap tidak mahukan pemodenan itu yang menghalang penggunaan teknologi moden tetapi disebabkan masalah kemiskinan yang memang telah sedia wujud.

Berlainan halnya dengan nasib penangkap-penangkap udang di kampung-kampung ini, mereka kurang diberi perhatian daripada Jabatan Perikanan. Segala pemberian subsidi untuk mendapatkan peralatan adalah atas usaha mereka sendiri untuk pergi ke jabatan berkenaan memohon bantuan atau lesen. Atas sebab inilah didapati mengapa tidak ramai di antara penangkap udang yang berminat untuk berhubung dengan Jabatan Perikanan. Penggunaan teknologi ataupun peralatan yang lebih baik seperti enjin sampan dan jaring masih di peringkat rendah. Tuduhan atau pandangan yang mengatakan sikap tradisi masih tertanam atau 'kemsikinan mental' kepada penangkap udang ini juga tidak boleh diterima. Ada di kalangan responden sendiri mengatakan penggunaan jaring tidak sesuai digunakan memandangkan tempat di Sungai Pulai tidak sama seperti di laut yang berombak. Walau bagaimanapun mereka bersetuju mengatakan penggunaan enjin adalah lebih mudah. Tetapi keseluruhannya tidak mampu mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli kelengkapan tersebut.

Apa sebenarnya kesilapan yang berlaku adalah kebanyakan program-program yang dijalankan adalah berasaskan model yang tidak lengkap yang mana hanya menitik beratkan soal penyerapan teknologi moden tanpa memikirkan masalah-masalah lain yang dihadapi oleh masyarakat kampung.

5.3 Pemasaran

Dengan terbinanya jalan tanah merah perubahan dari segi pemasaran hasil-hasil pertanian turut berubah walaupun pemasaran hasil-hasil sungai masih lagi dikendalikan oleh peraih atau orang tengah. Jenis pengangkutan seperti lori, van dan kereta telah dapat sampai ke kawasan-kawasan kebun untuk mengangkut keluar hasil-hasil pertanian dengan lebih cepat. Bagi tanaman kelapa sawit dan getah hasilnya dibeli oleh pihak RISDA. Tidak seperti keadaan semasa jalan tanah merah belum dibina, kebanyakan pekebun terpaksa menggunakan basikal untuk menjual getah-getah keping mereka. Penggunaan motorsikal pada masa itu adalah tidak begitu sesuai memandangkan keadaan tanah gambut yang mudah ditenggelami.

Pemasaran bagi hasil-hasil sungai adalah dikendalikan oleh peraih. Udang-udang yang telah ditangkap dijual di Singapura dengan harga yang lebih tinggi dari yang dibeli daripada penangkap-penangkap udang dengan harga $12 hingga $18 sekilo. Menjual hasil tangkapan kepada peraih merupakan satu cara yang mudah tambahan pula mereka secara langsung dipaksa untuk menjual hasil tangkapan

kepada peraih yang telah meminjamkan atau memberikan sampan kepada mereka. Jadual 5.1.2 dapat menunjukkan seramai 4 orang dari 10 orang penangkap udang yang terlibat dengan keadaan ini. Pemasaran masa dahulu hanyalah melalui jalan laut dengan menggunakan sampan. Jalan laut ini (yang melalui Sungai Pulai) merupakan jalan keluar masuk penduduk awal di kampung-kampung ini dan sebagai punca pencarian mereka.

## 5.4 Peluang pekerjaan

Penyerapan teknologi baru demi untuk meninggikan lagi daya pengeluaran dan memperkenalkan benih-benih tanaman jualan yang bermutu tinggi antara lain matlamatnya adalah untuk menggalakkan penduduk terutamanya dari kaum belia menceburkan diri dalam bidang pertanian. Di samping itu ianya juga cuba mengelakkan penghijrahan keluar penduduk ke bandar-bandar dan meninggalkan tanah mereka. Usaha-usaha pembangunan dalam mewujudkan peluang pekerjaan di kampung ini yang hanya tertumpu kepada aktiviti pertanian sahaja adalah tidak berjaya. Seperti yang telah disebutkan, masalah kekurangan modal dan tanah merupakan masalah pokok di kawasan ini. Keluasan tanah yang tidak seberapa tidak memerlukan ramai pekerja. Maka pengangguran di kalangan belia atau anak-anak responden lepasan sekolah terus meningkat sehingga masalah penghijrahan ke bandar-bandar besar sukar dikawal. Setengah ibubapa pula memang tidak menghalang anak-anak mereka mencari pekerjaan di bandar besar seperti Johor Bahru asalkan

pekerjaan tersebut tidak menyalahi undang-undang. Kadar pengangguran di kalangan belia di empat buah kampung ini dapat ditunjukkan dalam jadual 5.4.1.

Jadual 5.4.1 : Kadar pengangguran di kalangan 50 buah isirumah.

| Peringkat umur | Bil.responden | Peratus |
|---|---|---|
| 20 ke bawah | 54 | 44.6 |
| 21 - 30 | 11 | 9.1 |
| 31 - 40 | 8 | 6.6 |
| 41 - 50 | 24 | 19.8 |
| 51 - 60 | 11 | 9.1 |
| 61 - 70 | 7 | 5.8 |
| 71 ke atas | 6 | 5.0 |
| Jumlah | 121 | 100.0 |

Jelasnya dari jadual di atas didapati bahawa kadar pengangguran adalah tinggi pada paras umur 21 - 60 tahun. Walaupun dari jadual ini, sejumlah 54 orang di bawah umur 20 tahun tidak bekerja namun jumlah tersebut adalah mengambil kira jumlah penduduk yang masih bersekolah. Masalah pengangguran atau guna tenaga tidak penuh ini membabitkan pula masalah sosial yang tidak diingini oleh masyarakat seperti membuang masa tanpa sebarang kerja yang berfaedah dan sering kali mencari hiburan di bandar.

5.5 Kesan ke atas keadaan sosial

Dalam menilai sejauh mana berlakunya perubahan sosial akibat pembangunan luar bandar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, pengkaji akan menyentuh beberapa perkara sahaja iaitu, sikap penduduk, taraf pendidikan, masalah penghijarahan ke bandar dan pertubuhan sosial.

i. Sikap penduduk

Adalah sukar untuk ditentukan ukuran perubahan dari sikap tradisi kepada sikap yang bercirikan pemodenan. Hanya yang dapat dikatakan ialah amalan tradisi seperti pembahagian harta pusaka kepada waris, adat istiadat seperti kenduri kendara masih belum diresapi oleh ciri-ciri moden. Amalan dan adat istiadat ini masih diwarisi oleh anak-anak mereka walaupun sedikit sebanyak adat resam Bugis ini telah bercampur aduk dengan adat resam orang-orang Melayu.

Perubahan sikap yang lebih terbuka seperti menyertai parti politik, mengambil tahu keadaan di luar kampung dan negara amnya menjadi lebih ketara akibat adanya pembinaan jalan tanah merah dan adanya alat-alat sebaran am seperti radio dan T.V. sebagai asas sistem perhubungan. Pertambahan dalam pemilikan harta benda turut bertambah. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 5.5.1.

Dari jadual tersebut didapati bahawa motorsikal merupakan pengangkutan yang utama bagi penduduk di kampung-kampung ini.

University of Malaya

Kedudukan kawasan ini sejauh 3 batu daripada jalan raya yang boleh dilalui oleh bas merupakan sebab mengapa bertambahnya pemilikan motorsikal. Berbanding dengan masa dahulu, iaitu sebelum jalan tanah merah dibina, basikal merupakan pengangkutan yang penting di samping jalan laut atau sungai sebagai jalan perhubungan. Seperti yang telah dinyatakan, penggunaan motorsikal adalah tidak sesuai lantaran tanah gambut yang mudah ditenggelami.

Jadual 5.5.1 : Pemilikan harta benda di kalangan 50 orang responden.

| Barang Pemilikan | Kereta | Motorsikal | Kipas letrik | Peti ais | T.V | Kusyen set | Mesin jahit | Dapur gas | Dapur minyak | Sampan | Barang kemas |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bilangan responden | 1 | 31 | 1 | 2 | 36 | 25 | 18 | 9 | 17 | 12 | 6 |
| Peratus | 2 | 62 | 2 | 4 | 72 | 50 | 36 | 18 | 34 | 24 | 12 |

Pemilikan T.V sebagai alat sebaran am yang utama di negara ini menjadi bertambah penting di kalangan penduduk di sini. Sebanyak 75% dari 50 orang responden telah memiliki alat sebaran am ini. Kebanyakan di antara mereka membeli T.V yang sudah terpakai dengan dibantu dari segi kewangan oleh anak-anak mereka yang sudah bekerja. Walaupun bekalan letrik tidak dibekalkan, mereka menggunakan generator yang dibeli dengan harga \$100 hingga \$150 tiap satu.

University of Malaya

Dari perbincangan sebentar tadi walaupun dapat dikatakan penduduk di kampung-kampung ini masih dianggap miskin tetapi keinginan mereka untuk memiliki barang-barang kehendak adalah tinggi sepertimana penduduk-penduduk di bandar. Perubahan sikap merupakan suatu yang tidak disengajakan iaitu ekoran dari pembangunan ekonomi.

ii. Taraf pendidikan

Bagi meningkatkan taraf pelajaran secara formal di sekolah-sekolah, kerajaan telah mengeluarkan beberapa bantuan. Ini termasuklah bantuan buku-buku bacaan, makanan dan kewangan atau biasiswa. Bantuan ini sebenarnya adalah untuk menggalakkan murid-murid bersekolah di samping membantu tanggungan ibubapa yang menyara anak mereka ke sekolah. Walau bagaimanapun bantuan ini tidak atau masih belum berjaya meninggikan taraf pembelajaran murid-murid. Ini dapat diperjelaskan dalam perbincangan mengenai taraf pelajaran penduduk dalam bab 2 yang mana jumlah mereka yang bersekolah menengah adalah sedikit manakala jumlah mereka yang menjejakkan kaki ke pusat pengajian tinggi hampir tidak ada langsung. Hal ini mungkin disebabkan ketiadaan bekalan elektrik yang merupakan kemudahan asas yang penting bagi murid-murid. Dengan ketiadaan kemudahan asas ini adalah menjadi kesulitan bagi murid-murid tersebut mengulang kaji pelajaran mereka di sebelah malam. Tiada kesungguhan ibubapa untuk menggalakkan anak-anak mereka bersekolah sebenarnya tidak boleh diambil sebagai alasan taraf pelajaran adalah rendah kerana tiada siapa pun yang ingin melihat anaknya tidak berpelajaran.

iii. Masalah penghijrahan

Persoalan mengapa dan sebab-sebab berlakunya penghijrahan ini merupakan persoalan yang lazim. Seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu, kekurangan tanah, masalah pengangguran dan gunatenaga yang tidak penuh serta pendapatan yang sedikit merupakan punca atau sebab-sebab masalah penghijrahan ini berlaku terutamanya di kalangan pemuda.

Pembukaan tanah baru untuk penempatan peneroka merupakan salah satu program kerajaan yang diminati oleh penduduk di kawasan ini. Mereka yang layak memohon ke rancangan FELDA biasanya sudah berkeluarga dan mempunyai paling kurang dua atau tiga orang anak. Pada tahun 1984 sahaja sejumlah 11 buah keluarga telah memohon ke rancangan pembukaan tanah baru. Penghijrahan ini mengakibatkan kadar kelahiran berkurangan. Bilangan murid-murid yang ke sekolah turut berkurangan. Selain dari itu, tumpuan pemuda-pemudi pula adalah ke pusat-pusat bandar seperti Johor Bahru dan Singapura untuk mendapatkan pekerjaan.

Ringkasnya terdapat faktor-faktor dalaman dan luaran yang menimbulkan masalah penghijrahan. Bukan sahaja masalah kemiskinan yang mendorong mereka keluar mencari kehidupan yang lebih baik, tetapi rancangan kerajaan sendiri yang menggalakkan penghijarahan. Maka berlakulah tambahan pendapatan di kalangan pekebun yang berhijrah sambil masalah kemiskinan terus wujud di kampung. Manakala jika dinilai dari satu sudut lain, jelasnya

pembangunan luar bandar tidak dapat mengatasi masalah pengangguran.

iv. Pertubuhan sosial

Begitu juga halnya dengan beberapa pertubuhan yang diadakan seperti Pergerakan Pemuda dan Wanita, RISDA, Belia dan Persatuan Ibubapa dan guru-guru (PIBG). Hanya sebilangan kecil sahaja yang menampakkan kesungguhan untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 5.5.2

Jadual 5.5.2 : Bilangan responden yang terlibat dengan pertubuhan dan jawatan yang dipegang (dalam peratus).

| Jenis pertubuhan | Jawatan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Ahli | AJK | Setiausaha | Pengerusi | Ketua |
| UMNO | 34 | 8 | 2 | 2 | - |
| RISDA | 18 | - | - | - | 1 |
| Belia | 6 | - | - | - | - |
| PIBG | - | 4 | - | - | - |

Bilangan responden yang terlibat dalam pertubuhan ini sebenarnya tidak dapat digambarkan dengan jelas dalam bentuk perangkaan. Ini disebabkan terdapat responden yang memegang dua atau tiga jawatan sekali gus. Apa yang jelas ialah peratus mereka yang terlibat tidak begitu tinggi. Misalnya hanya 34% sahaja yang menjadi ahli dalam UMNO. Malah dalam pertubuhan-pertubuhan seperti RISDA, Belia dan PIBG, peratus penduduk yang terlibat

lebih rendah dari itu.

Kekurangan penglibatan penduduk dalam pertubuhan sosial seperti ini disebabkan oleh beberapa perkara:-

i. Mereka lebih mengutamakan cara bagaimana untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Maka tidak hairanlah mengapa ada di antara penduduk yang menganggap bahawa pertubuhan ini tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada mereka.

ii. Masalah kewangan seperti dipaksa membayar yuran bulanan seolah-olah menyusahkan mereka. Walaupun jumlah yang perlu dibayar tidak banyak namun ianya dianggap sebagai suatu bebanan. Masalah kewangan ini juga menyebabkan beberapa kegiatan yang dikira berfaedah tidak dapat dijalankan.

iii. Bagi golongan belia pula, mereka lebih berminat untuk mencari pekerjaan dan mencari hiburan di bandar-bandar.

Ringkasnya diperhatikan bahawa walaupun beberapa pertubuhan dibentuk untuk meningkatkan keadaan sosial dan pemikiran namun ianya menemui jalan buntu akibat sikap penduduk yang kurang berminat dalam hal-hal seperti ini.

## Kesimpulan

Dari seluruh perbincangan dalam bab ini iaitu mengenai kesan pembangunan ke atas keadaan sosial dan ekonomi, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa pembangunan yang kurang atau tidak dapat mengubah kedua-dua keadaan tersebut. Walaupun tidak

University of Malaya

dinafikan adanya sedikit perubahan namun tidak semua kesan yang ditimbulkan adalah baik seperti yang dikehendaki oleh matlamat kerajaan. Terdapat kesan-kesan buruk seperti masalah penghijrahan dan gejala-gejala sosial akibat pertembungan dengan budaya bandar dan kesan-kesan ini merupakan kesan yang tidak dirancangkan.

tentu. Begitu juga halnya bagi pembangunan luar bandar khasnya Projek Johor Barat yang dilaksanakan di kampung kajian iaitu Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Paradin dan Kampung Sungai Senai. Boleh dikatakan matlamat utama pembangunan tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat di kampung-kampung tersebut.

Keadaan ini (pembangunan mempunyai matlamat), menepati perbincangan yang telah dikemukakan oleh D. Seers iaitu dengan mengaitkan tiga faktor atau matlamat untuk pembangunan.

i. Kemiskinan.

ii. Pengangguran.

iii. Ketaksamarataan.

Dari perbincangan dalam bab 2, jelasnya masalah kemiskinan memang wujud di keempat-empat buah kampung yang dikaji. Dalam jadual 2.5.2 dapat diketahui bahawa kebanyakan responden memperolehi pendapatan di antara $101 hingga $300 sebulan. Perlu dinyatakan bahawa kemiskinan di negara ini tidaklah merujuk kepada keadaan kebuluran, tiada tempat tinggal, pakaian dan tiada kemudahan asas walaupun perkara-perkara ini perlu diambilkira untuk mendapatkan garis kemiskinan. Tetapi di Malaysia, keadaan seperti kebuluran dan se-

University of Malaya

# BAB 6

# KESIMPULAN

Dari perbincangan-perbincangan yang telah lalu, dapat dikatakan bahawa setiap pembangunan memang mempunyai matlamat tertentu. Begitu juga halnya bagi pembangunan luar bandar khasnya Projek Johor Barat yang dilaksanakan di kampung kajian iaitu Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Senai. Boleh dikatakan matlamat utama pembangunan tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat di kampung-kampung tersebut.

Keadaan ini (pembangunan mempunyai matlamat), menepati perbincangan yang telah dikemukakan oleh D. Seers iaitu dengan mengaitkan tiga faktor atau matlamat untuk pembangunan.

i. Kemiskinan.

ii. Pengangguran.

iii. Ketaksamarataan.

Dari perbincangan dalam bab 2, jelasnya masalah kemiskinan memang wujud di keempat-empat buah kampung yang dikaji. Dalam jadual 2.5.2 dapat diketahui bahawa kebanyakan responden memperolehi pendapatan di antara $101 hingga $300 sebulan. Perlu dinyatakan bahawa kemiskinan di negara ini tidaklah merujuk kepada keadaan kebuluran, tiada tempat tinggal, pakaian dan tiada kemudahan asas walaupun perkara-perkara ini perlu diambilkira untuk mendapatkan garis kemiskinan. Tetapi di Malaysia, keadaan seperti kebuluran dan se-

bagainya ini pada hakikatnya memang tidak berlaku. Maka keadaan kemiskinan di negara ini adalah merujuk kepada kekurangan pendapatan atau kewangan dan jumlah isirumah. Oleh itu pendapatan sebanyak $101 hingga $300 adalah di bawah garis pendapatan purata sebenar bulanan negara iaitu sebanyak $417 sebulan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal RME (m.s 103).

Menyentuh tentang teori kemunduran, R. Nurkse telah mengaitkan masalah kemunduran dengan kekurangan modal misalnya kekurangan tanah. Masalah ini pula akan mengakibatkan faktor-faktor kemunduran yang lain seperti kurang kemampuan untuk menabung, membuat pelaburan, kuasa beli yang rendah (1965 : 15). Ringkasnya ia dapat ditunjukkan seperti berikut:




University of Malaya

Jika diperhatikan dalam jadual 2.5.3 pula didapati bahawa cuma seorang responden sahaja yang menabung wang pada kadar $200 ke atas. Seperti yang telah dinyatakan, keadaan ini adalah disebabkan jumlah pendapatan sebenar yang sedikit. Seterusnya keupayaan untuk membuat pelaburan juga tidak berkesan. Maka wujudlah keadaan kemiskinan yang melibatkan berbagai-bagai faktor.

Dalam mengatasi masalah kemiskinan ini, beberapa rancangan kerajaan yang terkandung dalam Projek Johor Barat telah dilaksanakan. Seperti yang telah dihuraikan dalam bab 4, rancangan-rancangan ini termasuklah membina kemudahan asas seperti jalan raya, memberi bantuan kewangan, pemberian subsidi, bantuan perumahan serta mengadakan lawatan dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil. Rancangan-rancangan ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk dengan cara meninggikan daya pengeluaran. Ini jelas seperti yang dinyatakan dalam matlamat Projek Johor Barat iaitu meninggikan pengeluaran hasil kelapa sawit, ternakan, pengeluaran getah dan tanaman nenas. Malah dengan meningkatnya keadaan ekonomi masyarakat, keadaan sosial juga turut meningkat. Ini disebabkan bahawa pertumbuhan ekonomi dan sosial adalah berhubung rapat di antara satu sama lain.

Keadaan pengangguran yang wujud di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai perlu diberi perhatian yang berat. Dari jadual 5.4.1 didapati bahawa kadar pengangguran bagi 50 buah keluarga adalah tinggi terutama di kalangan belia yang berumur 21 hingga 50 tahun. Manakala

anak-anak responden yang masih bersekolah belum tentu memperolehi pekerjaan yang baik memandangkan taraf pendidikan penduduk di kampung-kampung ini pada masa sekarang adalah rendah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.6.1. Setakat ini hanya seorang sahaja yang berjaya menjejakkan kaki ke pusat pengajian tinggi. Manakala ramai yang lain masih bersekolah rendah dan ada yang berhenti pada usia yang masih muda. Begitu juga halnya jika diteliti bilangan anak responden yang telah bekerja, kebanyakan mereka mempunyai kelulusan yang rendah. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 6.1.

Jadual 6.1 : Perkaitan antara kelulusan dengan bilangan anak responden yang telah bekerja.

| Kelulusan | Bilangan anak responden | Peratus |
|---|---|---|
| Tidak bersekolah | 5 | 14.2 |
| Darjah enam | 16 | 45.7 |
| SRP | 5 | 14.2 |
| SPM | 8 | 22.9 |
| Universiti | 1 | 2.9 |
| Jumlah | 35 | 100.0 |

Sumber : Dari borang soal selidik.

Dari jadual di atas didapati sebanyak 14.2 peratus yang bekerja tanpa memiliki apa-apa kelulusan dan 45.7 peratus dari jumlah anak-anak responden bekerja dengan kelulusan di peringkat darjah enam sahaja. Ini menjelaskan bahawa taraf pendidikan di

kawasan ini masih rendah dan bagi anak-anak responden, peluang peluang pekerjaan pada masa hadapan adalah lebih mencabar sekiranya keciciran dalam pelajaran masih berlaku.

Masalah pengangguran di kawasan ini juga telah disedari. Semua rancangan untuk meningkatkan daya pengeluaran seperti memperkenalkan benih tanaman yang lebih baik sebenarnya untuk menggalakkan lebih ramai penduduk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian. Untuk menyelesaikan masalah pengangguran pada jangkamasa panjang, kemudahan dalam pendidikan dipertingkatkan. Bantuan persekolahan seperti pinjaman buku dan biasiswa telah diberikan untuk mengurangkan bebanan ibubapa membiayai perbelanjaan anak-anak mereka ke sekolah.

Dalam memperkatakan tentang pembangunan ini persoalan utama yang ditumpukan ialah kejayaan atau kegagalan pembangunan tersebut. Dari perbincangan dalam bab 5, dapat dibuat kesimpulan bahawa pembangunan yang dilaksanakan masih belum berjaya mencapai matlamatnya. Pengagihan bantuan kewangan dan subsidi masih belum dinikmati sepenuhnya oleh semua penduduk kampung. Sebaliknya bantuan kewangan, bantuan perumahan dan pemberian subsidi lebih berpihak kepada lapisan masyarakat yang berada. Pemberian subsidi untuk memulakan tanaman kelapa sawit misalnya bukanlah dinikmati oleh penduduk yang tidak mempunyai tanah atau mempunyai keluasan tanah yang kecil tetapi sebaliknya faedah tersebut dinikmati oleh penduduk yang memang sudah memiliki tanah yang luas.

Begitu juga halnya dengan bantuan perumahan tidak diberikan kepada penduduk yang tidak mempunyai tapak rumah dan subsidi kelengkapan menangkap udang hanya diberikan kepada pemilik lesen nelayan sahaja. Jelasnya keadaan ketaksamarataan di antara lapisan masyarakat di kampung-kampung ini masih berlaku di mana orang kaya bertambah kaya, orang miskin bertambah miskin. Seperti kata D. Seers selagi salah satu dari tiga faktor dalam pembangunan masih wujud berterusan, selagi itulah pembangunan tidak akan berlaku. Oleh itu, kesimpulannya pembangunan yang dilaksanakan di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai gagal mencapai matlamatnya.

Punca kegagalan tersebut dapat diperjelaskan dengan menilai dari sudut teori. Dari penyelidikan ini, apa yang dapat dirumuskan ialah pembangunan luar bandar, khususnya Projek Johor Barat dari segi perlaksanaanya adalah menyamai ciri-ciri dan andaian-andaian yang terdapat dalam pendekatan diffusi. Andaian utama diffusi ialah berlakunya penyaluran teknologi moden, modal dan institusi baru dari sektor bandar yang moden ke sektor kampung yang mundur. Andaian ini juga menjelaskan bahawa wujud dualism sosial yang mudah berasaskan perbezaan darjah penggunaan teknologi moden.

Keadaan ini memang wujud di mana, di sektor kampung terdapat pelbagai kekurangan terutamanya dari segi modal, pendapatan penduduk, daya pengeluaran, taraf pendidikan dan kemudahan asas. Sebaliknya di satu pihak lain iaitu di sektor bandar yang maju,

wujud kelengkapan dan kemudahan asas yang kukuh. Dualism ini telah dinyatakan secara terus terang dalam RMK. Sektor luar bandar yang dibahagikan kepada tradisi dan moden kebanyakan terdiri dari pekebun-pekebun kecil dan menjalankan aktiviti pertanian sementara bagi sektor bandar, baik tradisi atau moden kebanyakan penduduknya menjalankan perusahaan. (RMK, 1971 : 42).

Maka dalam usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan yang terdapat di kawasan luar bandar, penyaluran teknologi, modal dan sebagainya telah dilakukan. Bila dikatakan bahawa kemiskinan timbul akibat dari kekurangan modal, maka modal disalurkan dari sektor bandar ke sektor luar bandar dalam bentuk subsidi dan bantuan kewangan. Dengan adanya bantuan kewangan dan subsidi ini pada zahirnya dapatlah dibayangkan bahawa pekebun-pekebun kecil akan menggunakan teknologi baru untuk menambahkan pengeluaran dan pendapatan sebenar. Seterusnya dapat pula melakukan pelaburan bagi melipatgandakan pendapatan. Penanaman modal untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi memang ada benarnya. Tetapi soalnya, adakah setiap bantuan itu diagihkan sama rata? Ini sudahpun diberi jawapannya dalam perbincangan awal. Masih wujud jurang antara golongan berpendapatan tinggi dan golongan berpendapatan rendah di kampung-kampung yang dikaji.

Kegagalan mencapai matlamat untuk membangun bermakna kegagalan pendekatan diffusi yang telah dipraktikkan. Tambahan pula pendekatan diffusi ini tidak dipraktikkan secara menyeluruh.

Ini dapat dibuktikan bila mana beberapa kemudahan asas masih belum terlaksana. Bekalan air paip dan api letrik masih belum didapati seperti di kawasan bandar. Oleh kerana pendekatan diffusi gagal membawa pembangunan maka perlulah melihat strategi lain dalam pembangunan iaitu dengan menggunakan pendekatan Marxist.

Pendekatan Marxist seperti yang dikemukakan oleh A.G. Frank, memperhitungkan faktor sejarah dan susunan masyarakat iaitu wujud satu perhubungan yang padu di antara negara metropolis dan negara satellite berasaskan ekonomi. Pendekatan yang mengambil kira faktor sejarah adalah penting memandangkan perubahan dalam Dunia Ketiga merupakan kesan utama dari perkembangan kuasa sistem kaptalis Eropah Barat melalui bentuk imperialisme dan kolonialisme. Malah kebanyakan negara-negara mempunyai sejarah tersendiri, iaitu apa yang dipanggil sebagai sistem feudal. Dalam sistem ini terdapat dua golongan penting, iaitu golongan majoriti terdiri dari penduduk atau rakyat biasa yang diperintah sementara golongan minoriti terdiri dari golongan pemerintah yang cuba menindas golongan pemerintah yang cuba menindas golongan rakyat biasa. Maka menurut Frank selagi wujud perikatan ini, iaitu antara metropolis-satellite, 'yang menaung' dengan 'yang dinaungi' dan antara bandar dan luar bandar, selagi itulah wujud kemunduran di negara satellite, yang dinaungi dan sektor luar bandar. Lalu Frank menyarankan suatu perombakan struktur dan bukan perombakan dalam struktur sebagai langkah menghapuskan kemunduran.

Dalam konteks di kampung-kampung yang dikaji, keadaan 'yang menaung' dan 'yang dinaungi' masih berlaku. Masih terdapat penduduk, terutamanya penangkap-penangkap udang bergantung kepada orang tengah atau peraih ketika menjual hasil tangkapan mereka. Malah terdapat ramai penduduk yang terlibat dengan hutang-hutang kepada pekedai-pekedai dan orang tengah. Begitu juga halnya dengan tuan-tuan tanah yang cuba menindas dan mencari keuntungan dari pekebun-pekebun kecil getah melalui sistem pawah. Seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 2.4.1 didapati seramai 5 orang responden terlibat dengan sistem pawah iaitu pekebun mengerjakan tanah tuan-tuan tanah dan hasilnya akan dibahagi dua. Perlu ditegaskan di sini bahawa tuan-tuan tanah di kampung memiliki keluasan tanah yang kecil iaitu antara 6 hingga 10 ekar. Walau bagaimanapun di antara pekerja dan tuan-tuan tanah wujud perbezaan dari segi keluasan tanah yang dimiliki di mana golongan pekerja tidak memiliki tanah atau mempunyai tanah yang kecil. Jelasnya suatu sistem susun-lapis yang wujud melahirkan pula jenis-jenis penindasan yang hebat terhadap pekebun-pekebun kecil.

Sebenarnya keadaan di mana golongan tuan-tuan tanah di kampung dan sebagainya boleh menindas golongan rakyat biasa yang ramai adalah disebabkan oleh berkembangnya sistem ekonomi bebas atau 'laissez faire'. Sistem ini pada matlamat akhirnya akan menguntungkan sejumlah kecil orang yang kuat kedudukannya, dan merugikan ramai orang yang lemah kedudukannya.

Penyelesaian kepada masalah ini dan juga masalah ketaksamarataan seperti yang dibincangkan di peringkat awal dapat dilakukan dengan langkah-langkah radikal, iaitu pemusnahan susunan-susunan ekonomi yang membenarkan penindasan, dan digantikan dengan susunan yang baru. Pemberian subsidi dan bantuan kewangan misalnya harus diagihkan samarata dan bukan sahaja diberikan kepada golongan yang memang sudah berada. Sistem ekonomi bebas atau 'laissez faire' sepatutnya digantikan dengan sistem ekonomi berancang di mana faktor-faktor pengeluaran penting dikuasi oleh masyarakat seluruh. Ini dapat menghapuskan atau sekurang-kurangnya melemahkan pengaruh dan penguasaan golongan atasan yang menindas. Dalam menjayakan usaha-usaha ini pihak pentadbir khususnya bahagian perancang dan penyelidikan harus memainkan peranan dengan lebih cekap.

Akhir sekali memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan luar bandar khasnya Projek Johor Barat memainkan peranan penting untuk membasmi masalah kemiskinan di Kampung Belokok, Kampung Sungai Senai, Kampung Sungai Peradin dan Kampung Sungai Punai. Walau bagaimanapun usaha-usaha murni yang telah dijalankan itu boleh dikatakan tidak berjaya sepenuhnya. Pendekatan diffusi yang dipraktikan gagal menghapuskan masalah kemunduran tetapi sebaliknya memperluaskan jurang antara dua lapisan masyarakat. Maka dalam usaha menyelesaikan masalah kemunduran yang memang sudah lama bertapak di negara sedang membangun perancang ekonomi dan pihak pentadbir seharusnya memikirkan strategi-strategi yang lebih ber-

kesan lagi di mana pendekatan Marxist yang dicadangkan oleh pengkaji untuk pembangunan hanya merupakan salah satu strategi yang patut dipertimbangkan.


A.G. Frank, (1973) — Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology, Pluto Press.

B.F. Hoselitz, (1960) — Sociological Aspect of Economic Growth, USA.

Griffin,K.B. and Enos,J.G., (1970) — Planning Development, A Wesley Publishing Company, London.

M. Meier, (1970) — Leading Issues in Economic Development, Oxford University Press.

Mahathir Mohammad, (1982) — Cita-cita dan Pencapaian, Kuala Lumpur.

Nurkse Ragnar, (1965) — Masalah Pembentukan Modal Di Negara-negara Sedang Membangun, terjemahan S.M. Hutagalung, Jakarta.

S. Husin Ali, (1979) — Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.

W.W. Rostow, (1960) — The Stages of Economic Growth, Cambridge University Press.

B. ARTIKEL DARI JERNEL

Azizi Muda, (1981) — 'Sejarah Kependudukan dan Kegiatan Ekonomi Orang Melayu Keturunan Indonesia Di Negeri Johor', dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, No. 10.

A.E. Havens, (1972) — 'Methodological Issues In The Study of Development', dalam Sociologie Ruralis, Vol.12.


University of Malaya

BIBLIOGRAFI


A. BUKU-BUKU

A.G. Frank, (1973) Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology, Pluto Press.

B.F. Hoselitz, (1960) Sociological Aspect of Economic Growth, USA.

Griffin, K.B. and Enos, J.C., (1970) Planning Development, A Wesley Publishing Company, London.

M. Meier, (1970) Leading Issues in Economic Development, Oxford University Press.

Mahathir Mohammad, (1982) Cita-cita Dan Pencapaian, Kuala Lumpur.

Nurkse Rugnan, (1965) Masalah Pembentukan Modal Di Negara-negara Sedang Membangun, terjemahan S.H. Hutagalung, Jakarta.

S. Husin Ali, (1979) Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.

W.W. Rostow, (1960) The Stages of Economic Growth, Cambridge University Press.

B. ARTIKEL DARI JERNEL

Azizi Muda, (1981) 'Sejarah Kependudukan dan Kegiatan Ekonomi Orang Melayu Keturunan Indonesia Di Negeri Johor', dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, No. 10.

A.E. Havens, (1972) 'Methodological Issues In The Study of Development', dalam Sociologie Ruralis, Vol.12.

B. Galeski, (1972) 'Conflict and Change As An Aspect of Development', dalam Sociologie Ruralis, Vol.12.

Dudley Seers, (1970) 'The Meaning of Development' dalam Agricultural Development Council, Inc., New York.

S. Husin Ali, (1981) 'Alternative Development Strategies for Malaysia : A Comment', dalam Development In The Eighties, Kuala Lumpur.

Zulkifly Hj. Mustapha, (1981) 'Pembangunan Sosio-ekonomi', dalam Persekitaran Sosio-fizik Dan Pembangunan Di Residensi Sandakan, Sabah, Kuala Lumpur.

C. BAHAN CETAKAN KERAJAAN.

Kerajaan Malaysia, (1971) Rancangan Malaysia Kedua, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Kerajaan Malaysia, (1984) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan Kerjaan, Kuala Lumpur.

Kementerian Kewangan Malaysia, (1984) Laporan Ekonomi 1984/85, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

D. LATIHAN ILMIAH.

Rokiah Abdul Talib, (1978) Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan, satu kes kajian ke atas rancangan Tanah Negeri Kelantan. Tesis Ph.D.Kuala Lumpur.

Shamsul Amri Baharuddin, (1976) Rancangan Malaysia Kedua : Tujuan dan Pelaksanaannya, Tesis M.A., Kuala Lumpur.

University of Malaya